

REKA BENTUK FAKULTI BAHASA PENUTUR DWIBAHASA: BUKTI DARIPADA PENGALIHAN KOD INTRAAYAT*

Jeff MacSwan

Diterjemahkan oleh

Azizah Hussin

Abstrak

Dalam makalah ini, penulis menangani persoalan tentang bagaimana minda dapat mewakili dua bahasa secara dwibahasa dengan serentak. Sesetengah teori linguistik tentang pengalihan kod intraayat dikaji semula, dengan memberikan tumpuan pada pendekatan MacSwan (1999b); penulis membuat kesimpulan bahawa bukti yang diperoleh daripada pengalihan kod menunjukkan bahawa penutur dwibahasa mempunyai leksikon yang berbeza dan diskret bagi bahasa yang dituturkan oleh mereka, setiap satu dengan prinsip dalamannya tentang pembentukan kata, dan juga sistem fonologi yang berasingan. Walau bagaimanapun, penulis berhujah bahawa sumber pengiraan yang umum bagi kedua-dua bahasa menjanakan terbitan sintaksis penutur ekabahasa dan penutur dwibahasa dengan cara yang sama. Kebaikan Program Minimalis bagi analisis data pengalihan kod dibincangkan dengan agak panjang lebar.

Abstract

In this article, the author addresses the question of how the mind represents two languages in simultaneous bilingualism. Some linguistic theories of intrasentential code switching are reviewed, with a focus on the Minimalist approach of MacSwan (1999b); the author concludes that evidence from code switching suggests that bilinguals have discrete and separate lexicons for the languages they speak, each with its own internal principles of word formation, as well as separate phonological systems. However, the author argues that computational resources common to both languages generate monolingual and bilingual syntactic derivation alike. Advantages of the Minimalist Program for the analysis of code switching data are discussed at some length.

Bagaimanakah minda mewakili dua (atau lebih) bahasa? Jawapan bagi soalan dasar ini mempunyai implikasi terhadap ilmu linguistik, pendidikan, psikologi pembangunan, dan ilmu sains kognitif umum. Berkaitan dengan bahasa kedua (atau kedwibahasaan ayat), terdapat beberapa hujah tentang topik ini. Walaupun kadangkala mereka mempunyai pendapat yang berbeza dari segi bagaimana bahasa kedua dipelajari, namun sesetengah penyelidik telah mengesyorkan bahawa bahasa kedua diwakili dengan cara yang sama seperti bahasa pertama (Dulay dan Burt, 1974; Krashen, 1981; White, 1989), manakala yang lain telah mendakwa bahawa sumber mental bukan linguistik yang entah apa namanya, bersama-sama dengan kecekapan bahasa pertama, mewakili bahasa kedua (Clashen dan Muysken, 1986; Schachter, 1988; Bley-Vroman, 1989).

Walau bagaimanapun, dalam hal kedwibahasaan serentak, apabila kedua-dua bahasa dipelajari sejak zaman bayi lagi, tanggapan yang biasa ialah bahawa kedua-dua bahasa diwakili dalam fakulti bahasa manusia dengan cara yang pada asasnya sama. Dengan menghadkan fokus kepada kedwibahasaan serentak, persoalan yang menarik minat dalam makalah ini menjadikan (1a), dan (1b) sebagai soalan penting mengikut urutan keutamaan.

- 1a. Komponen manakah yang merupakan komponen dalaman bagi fakulti bahasa yang dapat dikongsi oleh kedua-dua bahasa, dan komponen manakah yang harus bebas (diduplikasikan)?
- 1b. Apakah komponen fakulti bahasa manusia?

Perhatian yang agak besar telah diberikan kepada (1b), dan pada hakikatnya merupakan topik utama dalam Program Minimalis (1995) Chomsky.

Makalah ini disusun seperti yang berikut. Saya memulakannya dengan mengkaji semula kepustakaan maklumat tentang pengalihan kod, membuat garis kasar tentang beberapa pendekatan, dan bagi setiap satu saya mengemukakan hujah bahawa pendekatan itu tidak mencukupi atas sebab empirik dan teori. Untuk memberikan latar belakang bagi bahagian yang seterusnya, saya kemudiannya membuat garis kasar Program Minimalis secara agak terperinci, dengan memberikan tumpuan pada aspek yang paling relevan dengan perbincangan ini. Pendekatan Minimalis terhadap pengalihan kod intraayat diperkenalkan, dan didebatkan bahawa pendekatan ini mempunyai kebaikan dari segi empirik dan teori berbanding dengan cadangan yang terdahulu. Jawapan bagi soalan dalam (1) dikembangkan dalam bahagian akhir bersama-sama dengan kesimpulan yang lain.

Tetapi pertama-tama data pengalihan kod yang dapat diterima mestilah teratur. Hujah berkenaan hal ini sudah lama menyebelahi data pengalihan

kod naturalistik (Mahootian, 1993) dan yang dicungkil (Toribio dan Rubin, 1996), dan beberapa banyak perbincangan dalam menilai teori yang bertentangan telah ditumpukan padahal yang memperkecilkan yang satu atau yang lain (Mahootian dan Santorini, 1996). Telah dihujahkan bahawa data pengalihan kod daripada orang yang telah mempelajari salah satu bahasa itu agak lewat dalam hidupnya harus tidak dimasukkan, atau sekurang-kurangnya dipersoalkan (MacSwan, 1996b). Melainkan dinyatakan, data yang dipetik di bawah datangnya daripada korpus bahasa Sepanyol-bahasa Nahuatl naturalistik dan yang dicungkil oleh MacSwan (1999b),¹ yang dihasilkan oleh penutur dwibahasa asli daripada Puebla, Tenggara Mexico. Ciri-ciri penting data yang dibentangkan akan diberikan perhatian sekiranya sesuai.

PENGALIHAN KOD INTRAAYAT

Pengalihan kod ialah gaya bahasa yang memungkinkan penutur dwibahasa dapat masuk dan keluar daripada dua (atau lebih) bahasa, seperti yang ditunjukkan dalam contoh bahasa Sepanyol-bahasa Inggeris dalam (1) dan (2) yang diambil daripada Belazi, Rubin dan Toribio (1994).

- 2a. The students *habian visto la pelicula italiana*²
The students had seen the Italian movie
- 2b. *The student had *visto la pelicula italiana*
The student had seen the Italian movie

Pengalihan kod pada sempadan ayat biasanya dirujuk sebagai pengalihan kod antara ayat, manakala pengalihan di bawah sempadan ayat, seperti yang ditunjukkan dalam (2), disebut sebagai pengalihan kod intraayat. Harus diambil perhatian bahawa pengalihan kod di sesetengah sempadan adalah sah, seperti dalam (2a), manakala di sempadan yang lain tidak begitu, seperti dalam (2b).

Sesetengah karya yang awal dan yang paling lama bertahan tentang aspek tatabahasa pengalihan kod adalah hasil usaha Poplack (1980, 1981) dan Poplack dan Sankoff (1981), yang mencadangkan kekangan yang menentukan interaksi kedua-dua sistem bahasa itu. Secara khususnya, Poplack mencadangkan Kekangan Persamaan dan Kekangan Morfem Bebas, yang diberikan definisi dalam (3) dan (4).

3. Kekangan Persamaan.
Kod cenderung untuk dialihkan pada tempat yang struktur permukaan bahasa itu bertindan atas satu sama lain.

4. Kekangan Morfem Bebas.

Pengalihan mungkin berlaku pada mana-mana tempat dalam wacana itu dan di sini pemotongan unsur permukaan boleh dibuat dan masih dapat mengekalkan morfem bebas.

Gagasan dalam (3), dengan memberikan contoh Poplack, iaitu pengalihan kod dibenarkan dalam lingkungan unsur selagi keperluan urutan kata bagi kedua-dua bahasa dipenuhi pada struktur-S; lain pula yang dinyatakan oleh (4), yang menyatakan bahawa pengalihan kod mungkin tidak berlaku di sempadan sesuatu morfem terikat. Untuk menunjukkannya, (3) dengan betul meramalkan bahawa pengalihan dalam (5) tidak dibenarkan, dan (4) benar-benar tidak mengizinkan (6).

5. *told *le*, *le told* (Poplack, 1981: 176)
 told *to-him*, *to-him I-told*
 (I) told him.
6. **estoy eat-iendo* (Poplack, 1980: 586)
 I-am eat-ing.

Kelemahan dalam kekangan Poplack ialah bahawa tidak adanya percubaan untuk menerangkan fakta yang dinyatakan dalam (3) dan (4), dan adakah perkara itu betul-betul merupakan fakta. Tambahan pula, kerana (3) dan (4) dianggap sebagai prinsip tatabahasa, maka pendekatan ini menunjukkan bahawa pengalihan kod dikuasai oleh semacam “tatabahasa ketiga” yang mengekang interaksi kedua-dua sistem sebagai suatu gabungan, seperti yang dinyatakan oleh Mahootian (1993). Dalam usaha untuk membuat suatu tanggapan yang mudah, kita perlu menggunakan “tatabahasa ketiga” hanya dalam keadaan apabila data yang sedang dianalisis memaksa kita berbuat demikian.

Kekangan dalam (3) dan (4) juga gagal dalam ujian empirik ini. Misalnya, walaupun binaan dalam (2b) dibenarkan oleh kedua-dua kekangan Poplack, tetapi binaan itu memang tidak dapat diterima. Pertimbangkan juga contoh dalam (7) dan (8),³ iaitu pengalihan kod yang berlaku antara ganti nama subjek dengan kata kerja, kedua-duanya dalam kedudukan struktur-Snya yang betul untuk bahasa Sepanyol dan bahasa Nahuatl,⁴ walaupun satu contoh tidak betul pembentukannya dan yang satu lagi itu betul pembentukannya. Oleh itu, prinsip kendalian yang terlibat dalam pengalihan kod bukanlah Kekangan Persamaan Poplack.

7. *Tú *tikoas tlakemetl*
 tú ti-k-koa-s tlake-me-tl
 you/SING 2S-3Os-buy-FUT garment-PL-NSF
 "You will buy clothes."
8. Él *kikoas tlakemetl*
 él 0-ki-koa-s tlak-eme-tl
 he 3S-3Os-buy-FUT garment-PL-NSF
 "He will buy clothes."

Juga, walaupun kadangkala sukar diketahui sama ada sesuatu morfem itu terikat atau bebas, beberapa contoh nampaknya menunjukkan bahawa Kekangan Morfem Bebas tidak betul. Dalam (9a), misalnya, tidak dapat dipertikaikan bahawa *nik-* ialah morfem terikat, seperti juga *ki-* dalam (9b), kedua-dua imbuhan bahasa Nahuatl yang dicantumkan dengan kata kerja bahasa Sepanyol.

- 9a. Ne *nikamaroa* in Maria
 ne ni-k-amar-oa in Maria
 I 1S-3Os-love-VSF IN Maria
 "I love Maria."
- 9b. *Motrataroa* de nin *kirescataroa* n Pocajontas
 mo-tratar-oa de nin 0-ki-rescatar-oa in Pocajontas
 REF-treat-VSF about this 3S-3Os-rescue-VSF IN Pocahontas
 "It deals with the one who rescues Pocahontas."

Di bawah ini saya akan memperkatakan bahawa contoh seperti yang dalam (9) lebih baik difahami sebagai keadaan yang melibatkan kata dasar yang dipinjam, dan saya akan memasukkan Kekangan Morfem Bebas Poplack ke dalam Teori Kata Penyerak PF, yang mengizinkan kita untuk membezakan antara kes seperti (6) dan (9).

Joshi (1985) juga membina suatu teori pengalihan kod. Dalam sistem-nya, bahasa yang binaan kod dialih dianggap sebagai "datang daripada" ditakrifkan sebagai "bahasa matriks", manakala bahasa yang satu lagi ialah "bahasa pancangan". Suatu "struktur terkawal" mengizinkan pemindahan daripada bahasa matriks kepada bahasa pancangan tetapi tidak sebaliknya. Oleh yang demikian, pengalihan adalah tak simetri dalam sistem ini. Joshi (1985) mencadangkan selanjutnya, Kekangan Kelas Tertutup yang mensyaratkan pengalihan kod tidak dibenarkan antara butiran kelas tertutup dan butiran kelas terbuka, seperti dalam (10); walau bagaimanapun, kekangan ini hanya digunakan pada pengalihan *ke dalam* bahasa pancangan.

10. Kekangan Butir Kelas Tertutup.

Butir kelas tertutup (misalnya, penentu, kata kuantiti, kata depan, kata milik, kata bantu, kala, kata kerja bantuan) yang tidak boleh dialihkan.

Misalnya, dalam data Joshi (1985), kata dudi Marathi tidak boleh dialihkan dengan kata depan bahasa Inggeris dalam (13).

11. *some chairs-war (Joshi, 1985)
 some chairs-on
 "on some chairs."

Suatu aspek sistem Joshi yang tidak menarik ialah wujudnya satu peraturan pengalihan kod yang khas, sama juga seperti sistem Poplack, iaitu suatu kelemahan teori yang penting. Mungkin yang lebih penting, (10) gagal atas alasan empirik, seperti yang ditunjukkan oleh contoh bahasa Farsi-bahasa Inggeris dalam (12) (Mahootian, 1993) dan dalam contoh bahasa Itali-bahasa Perancis dalam (13) (Di Sciullo, Muysken, dan Singh, 1986), seperti yang dinyatakan oleh Mahootian dan Santorini (1996).

12. Anyway, I figured *ke* if I worked hard enough, I'd finish in the summer.
 "Anyway, I figured that if I worked hard enough, I'd finish in the summer."
 13. No, *parce que* hanno *donné des cours*
 no, because have given of the lectures
 "No, because they have given the lectures."

Dalam (12), *ke* menandakan pengalihan ke dalam bahasa pancangan yang bermula dengan butir kelas tertutup, yang mencabuli (10). Dalam (13), suatu pengalihan dimulakan dengan *parce*, juga adalah butir kelas tertutup.

Pertimbangkan juga (14) dan (15); dalam kedua-dua keadaan, pengalihan berlaku ke dalam bahasa pancangan yang dimulakan dengan butir kelas tertutup (*in* bahasa Nahuatl dan *el* bahasa Sepanyol).

14. Arrancó *in* vestido *non de* Maria
 arranc-ó in vestido non de Maria
 pull-PAST/3Ss IN dress which of Maria
 "She pulled on Maria's dress"
 15. Okipipitzo *el hermano de* Maria
 o-0-ki-pipitzo el hermano de Maria
 PAST-3S-3Os-kiss the brother of Maria
 "Maria's brother kissed her."

Oleh yang demikian, kita boleh membuat kesimpulan, atas dasar teori dan dasar empirik, bahawa kekangan Joshi (1985) bukanlah prinsip operatif yang menentukan sempadan sintaksis dalam pengalihan kod.

Di Sciullo, Muysken, dan Singh (1986) telah mencadangkan bahawa terdapat keperluan antikuasaan dalam sempadan pengalihan kod, suatu pendekatan yang baru-baru ini dipertahankan dalam Halmari (1997). Kekangan mereka diberikan dalam (16).

16. Kekangan Kuasaan.

- a. Jika pembawa L_q mempunyai indeks q , maka Y_q^{\max}
- b. Dalam unjuran maksimum Y^{\max} , pembawa L_q ialah unsur leksikal yang secara tak simetri c-arah unsur leksikal yang lain atau simpai (nodus) frasa yang didominasi oleh Y^{\max} .

Kekangan yang dicadangkan dalam (16) mempunyai kebaikan, bahawa kekangan itu merujuk kepada prinsip tatabahasa yang didorong secara bebas (kuasaan), manakala cadangan yang lain yang telah dipertimbangkan setakat ini tidak begitu keadaannya. Dalam hal ini, kekangan berkenaan membawa kita lebih dekat dengan sistem yang pengalihan kodnya dapat dijelaskan mengikut prinsip yang sama, yang menerangkan pertimbangan tatabahasa dalam bahasa ekabahasa sebagai pendekatan yang lebih berhati-hati dibandingkan dengan pendekatan Poplack atau Joshi.

Walau bagaimanapun, kekangan itu nampaknya tidak memenuhi keperluan kesepadanan pemerian. Kerana kuasa berpaut antara kata kerja dengan objeknya dan antara kata depan dengan objeknya, (16) meramalkan bahawa kata kerja atau kata depan haruslah dalam bahasa pelengkapnya. Perkara ini tidak tepat seperti yang ditunjukkan dalam contoh (17ab), daripada Belazi, Rubin, dan Toribio (1994), dan (17c) daripada MacSwan (1999b), iaitu pengalihan berlaku dalam kedudukan bertanda kasus.

17a. This morning *mi hermano y yo fuimos a comprar* some milk
This morning *my brother and I went to buy* some milk

17b. *J'ai joué avec il-ku:ra*
I have played with the-ball
"I have played with the 'ball."

17c. *Mi hermana kitlasojtla in Juan*
mi hermana 0-ki-tlasojtla in Juan
my sister 3S-3Os-love IN Juan
"My sister loves Juan."

Tambahan pula, kerana telah didebatkan bahawa hubungan kuasaan tidak perlu dalam teori sintaksis (Chomsky, 1995), justifikasi yang berasingan dan juga yang berbentuk ekabahasa bagi kewujudan kuasaan sebagai kendalaian sintaksis diperlukan jika (16) ingin mengelakkan daripada menjadi mekanisme khusus pengalihan kod. Selain itu, walaupun (16) diartikulasikan dari segi kuasaan, kita tertanya-tanya mengapa kuasaan, terutamanya, harus dikaitkan dengan pengalihan kod, kerana hubungan itu dianggap sebagai pelaksanaan [Tatabahasa Universal (*Universal Grammar* atau ringkasanya UG)] iaitu suatu kesalingan bentuk tetap secara linguistik. Seperti dahulu, kita membuat kesimpulan bahawa (16) bukanlah prinsip yang mendasari pengalihan kod bagi alasan empirik dan teori.

Satu cadangan yang agak baru adalah atas usaha Mahootian (1993), dan Santorini dan Mahootian (1995), yang memberikan penerangan yang menumpukan perhatian pada hubungan pelengkap dalam struktur frasa (lihat juga Pandit (1990) dan Nishimura (1997)); mereka mendakwa bahawa (18) menentukan sempadan pengalihan kod sintaksis.

18. Kepala sesuatu bahasa menentukan kedudukan struktur frasa pelengkapnya dalam pengalihan kod sepertimana dalam konteks penutur ekabahasa.

Mahootian dan Santorini (1996) telah mengubahsuaikan sedikit (18) untuk memberikan tumpuan pada ciri-ciri yang lebih umum kepala sintaksis, seperti yang ditunjukkan dalam (19).

19. Kepala menentukan ciri-ciri sintaksis pelengkapnya dalam pengalihan kod dan konteks penutur ekabahasa dengan cara yang sama.

Mahootian (1993) menggunakan korpus data pengalihan kod bahasa Farsi-bahasa Inggeris yang dikumpulkannya dalam pemerhatian secara naturalis. Dalam bahasa Farsi, objek wujud sebelum kata kerja, berbeza dengan susunan kata yang asas dalam bahasa Inggeris. Mahootian (1993) memerhatikan bahawa dalam konteks pengalihan kod bahasa, kata kerja menentukan kedudukan objek, seperti yang ditunjukkannya dalam (20).

20. You'll buy *xune-ye jaedid*
you'll buy house-POSS new
"You'll buy a new house."

Walaupun pendekatan Mahootian (1993) agak berhati-hati dan mempunyai harapan yang baik, namun pendekatan tersebut juga nampaknya mempunyai sedikit masalah. Dia menggunakan formalisme tatabahasa fonem ber-

sebelahan [*Tree-adjoining grammar* (TAG)] yang ditekankannya, sebagai implementasi kerja umum mengikut tradisi Kuasaan dan Tambatan (KT) [*Government and Binding* (GB)]. Walau bagaimanapun, perhatikan bahawa (20) diramalkan oleh (15) atau (17) hanya jika *arah pencabangan* pelengkap dikodkan dalam kepala. Formalisme TAG mengekodkan arah pencabangan dengan menganjurkan kewujudan struktur separa “pohon kata bantu” yang mewakili pelengkap di sebelah kiri atau kanan kepalanya, bersesuaian dengan bahasa yang sedang dipertimbangkan itu. Walau bagaimanapun, Teori GB yang klasik telah lama menyangkal alasan untuk mengekodkan sesuatu arahan pencabangan (Stowell, 1981; Chomsky, 1981), dan hasil kerja masa kini dalam tradisi ini menganjurkan suatu dasar yang sejagat bahawa semua pelengkap bercabang ke kanan (Kayne, 1995; Chomsky, 1995).

Tambahan pula, terdapat beberapa contoh balas yang terkenal bagi perumusan dalam (19). Dalam bahasa Inggeris dan bahasa Sepanyol, pada umumnya dibuat tanggapan bahawa penafian [*Neg(ation)*] memilih kata kerja berkala yang berada di kanannya. Meskipun mematuhi (19), namun pengalihan kod dalam (21) itu betul-betul menyimpang.

- 21a. *El no *wants to go* (Timm, 1975)
 he not want to go
 “He doesn’t want to go.”
- 21b. *He doesn’t *quiere ir* (Timm, 1975)
 He doesn’t want/3Ss go/INF
 “He doesn’t want to go.”

Pertimbangkan ketaksimetrian yang aneh dalam (22). Dalam (22a), penafian dalam bahasa Sepanyol mungkin tidak berlaku sebelum pelengkap kata kerja bahasa Nahautl, seperti dalam (21a); walau bagaimanapun, penafian bahasa Nahautl sebelum pelengkap kerjaan bahasa Sepanyol terbentuk dengan baik dalam (22b). Oleh itu, meskipun hakikat bahawa keperluan pensubkategorian dasar dipenuhi dalam (21) dan (22), binaannya tidak terbentuk dengan baik, dan ini berbeza dengan ramalan yang dibuat oleh prinsip dalam (18) [atau bentuknya yang telah dikembangkan dalam (19)].

- 22a. *No *nitekititoc*
 no ni-tekiti-toc
 not 1S-work-DUR
 “I’m not working”
- 22b. Amo estoy *trabajando*
 amo estoy trabaja-ndo

not be/3Ss work-DUR
 "I'm not working."

Terdapat beberapa contoh balas bagi sistem Mahootian, yang ditangani dalam Mahootian dan Santorini (1996), tetapi contoh seperti ini ditolak sebagai tidak betul oleh kedua-dua ini kerana contoh itu bukan contoh yang diambil daripada korpus yang natural. Hujah dasar untuk menolaknya bergantung pada tanggapan bahawa pengalihan kod merupakan perlakuan sosial yang mengaibkan, jadi mereka yang mengalih kod mungkin dipengaruhi oleh stigma ini dalam membuat penilaian terhadap ayat-ayat itu (Mahootian, 1993). Walau bagaimanapun, premis dasar di sini tidak tepat. Pengalihan kod secara sejagat bukan merupakan perkara yang mengaibkan; malah, dalam kebanyakan budaya dianggap sebagai penampilan bakat berbahasa yang berprestij. Tambahan pula, terdapat bahasa yang tersendiri yang dianggap mempunyai stigma di sesetengah tempat (misalnya, bahasa peribumi di Amerika Syarikat dan Mexico), tetapi ahli bahasa telah mengkajinya dengan berhasil dengan menggunakan kaedah pencungkilan data selama beberapa tahun. Memanglah data yang dicungkil dan data yang semula jadi harus diselidik dengan hati-hati dan ini sama sahaja bagi data penutur ekabahasa dan data penutur dwibahasa: Semua data linguistik, kerana merupakan data persembahan, tertakluk kepada gangguan luar bahasa, dan harus diteliti dengan sewajarnya [lihat Shütze (1996) untuk perbincangan].

Oleh itu, sementara pendekatan Mahootian membawa kita lebih dekat lagi kepada teori pengalihan kod yang tidak bergantung pada sumber luaran sistem yang bercampur itu, masih terdapat batasan empirik yang mesti diatasi. Tambahan pula, kecuali kita menanggap bahawa kearahan percabangan itu dikodkan oleh pengsubkategorian, implikasi formal sistem itu perlu disemak semula dengan lebih teliti lagi.

Belazi, Rubin, dan Toribio (1994) mencadangkan Kekangan Kepala Fungsian [*Functional Head Constraint* (FHC)], dengan memberikan hujah bahawa cadangan itu terbit daripada prinsip yang didorong secara diskret dalam tatabahasa bagi fenomena yang lain. Mengikuti penyelidikan ini, fakta pemerian ialah yang ini:

23. Pengalihan kod tidak akan berlaku antara kepala fungsian dengan pelengkapanya.

Untuk menerangkan pemerhatian dalam (23), Belazi, Rubin, dan Toribio (1994) menarik perhatian kepada "penyemakan ciri," yang didorong secara

diskret untuk berfungsi dalam beberapa banyak fenomena yang lain. Walau bagaimanapun, penulis ini menambahkan satu lagi butiran pada timbunan ciri yang telah ada. Mengikuti mereka, *ciri bahasa*, seperti [+bahasa Sepanyol] atau [+bahasa Inggeris], disemak bersama-sama ciri lain seperti kasus dan keserasian. Jika ciri itu tidak serasi (kepala fungsian bahasa Sepanyol dengan pelengkap bahasa Inggeris, atau sebaliknya) maka pengalihan kod akan tersekat. Mereka merumuskan kekangan tersebut seperti dalam (24).

24. Kekangan Kepala Fungsian

Ciri bahasa pelengkap f yang dipilih oleh kepala fungsian, seperti semua ciri relevan yang lain, mesti selaras dengan ciri yang sama bagi kepala fungsian tersebut.

Oleh sebab (24) hanya terpakai bagi konfigurasi f yang dipilih [pelengkap yang dipilih oleh kepala fungsian, seperti dalam Abney (1987)], maka pengalihan antara kepala leksikal dengan pelengkapnya tidak dikekang.

Terdapat masalah konsepsi yang besar dengan pendekatan ini. Pertama, pelaksanaan (24) memerlukan ciri bahasa seperti (+bahasa Sepanyol) atau (+bahasa Greek). Oleh sebab "ciri bahasa" yang dicadangkan ini tidak didorong secara berasingan bagi fenomena linguistik yang lain, ciri itu hanya dapat digunakan untuk melabelkan ciri berkenaan semula fakta deskriptif, dan kerana itu ciri berkenaan bersifat tautologi. Tambahan pula, ahli bahasa menganggap tatabahasa tertentu bersifat terbitan, bukan gagasan primitif, kerana primitif mengikuti merupakan adalah sebahagian bahasa sejagat. Sesuatu bahasa merupakan seperangkat had nilai yang meliputi sejulat variasi yang diizinkan oleh tatabahasa sejagat, jadi dengan menganjurkan suatu label bagi sesuatu bahasa tertentu itu sebagai primitif dalam teori sintaksis, akan membawanya ke arah paradoks susunan.

Perhatikan juga bahawa ciri ini umumnya mempunyai seperangkat nilai yang diskret yang agak kecil, seperti (\pm kala lampau) atau (\pm finitum). Secara bandingan, terdapat banyak, sangat banyak bahasa tertentu, mungkin juga sangat banyak, seperti Keenan dan Stabler (1994) telah berhujah, dan garis pemisah antara mereka biasanya agak kabur. Oleh itu, ciri bahasa yang ditetapkan untuk (-bahasa Greek) mengemukakan sistem pengiraan yang kompleks serta ekstrem dan mungkin juga tidak dapat diselesaikan. Tambahan pula, ciri (+bahasa Cina) mungkin akan memasukkan semua bahasa yang saling tidak dapat difahami di negeri China, dan (bahasa Norway) akan tidak memasukkan bahasa Sweden, walaupun penutur bahasa Sweden dan Norway pada umumnya memahami

antara satu sama lain. Sesungguhnya, seperti yang diperhatikan oleh Chomsky (1995a:11, n6) dalam hubungan yang lain,

apa yang kita sebut sebagai “bahasa Inggeris”, “bahasa Perancis”, “bahasa Sepanyol”, dan seterusnya, walau dianggap sebagai sesuatu yang ideal bagi idiolek dalam komuniti bahasa yang homogen, telah menunjukkan Penaklukan Orang Norman, dekatnya dengan kawasan Jermanik, substrata bahasa Basque, dan faktor-faktor lain yang tidak boleh dianggap secara serius sebagai ciri fakulti bahasa itu.

Walau bagaimanapun, analisis ini menjadi bertambah baik jika kita menganggap (+bahasa Inggeris) sebagai himpunan ciri biasa yang mentakrifkan “bahasa Inggeris”, seperti yang dicadangkan oleh Jacqueline Toribio (komunikasi peribadi). Berdasarkan pandangan ini, nama bagi bahasa tertentu bertindak sebagai pemboleh ubah untuk sekumpulan ciri yang secara formal menggambarkan ciri bahasa itu. Paradoks susunan akan hilang, kerana ciri bahasa seperti (+bahasa Inggeris) atau (+bahasa Sepanyol) tidak lagi dianggap sebagai bahasa primitif dalam teori tatabahasa. Kini, ciri itu memberikan kandungan empirik yang baharu kepada kekangan kepada fungsian dalam (24). Terutamanya, untuk menilai FHC, hipotesis khusus diperlukan, iaitu yang berkaitan dengan ciri manakah dalam bahasa Inggeris, yang berbeza daripada ciri bahasa Sepanyol, dan ini mengakibatkan berlakunya konflik. Walau bagaimanapun, tidak ada hipotesis yang dibentangkan atau dinilai dalam Belazi, Rubin, dan Toribio (1994).

Tambahan pula, gagasan bahawa konfigurasi kepala-pelengkap merupakan domain penyemakan, mestilah juga dikelolakan secara berasingan. Jika pendekatan masa kini betul dalam membuat andaian bahawa hanya konfigurasi kepala-kepala (*head-head*) dan kepala-spesifikasi (*head-spec*) merupakan domain penyemakan (Sportiche, 1995; Chomsky, 1995), maka FHC tidak mungkin betul, walaupun jika “ciri bahasa” diberikan kandungan empirik yang tidak ada padanya sekarang. Dalam hasil kerja penyelidikan yang lain, Rubin dan Toribio (1995) menghujahkan bahawa penyemakan ditunjukkan dalam sesuatu keadaan dalam konfigurasi ini juga, tetapi tidak terdapat justifikasi yang berasingan yang diberikan bagi hujah mereka. Kerana tidak adanya gerakan yang bebas ini, FHC menjadi kekangan khusus pengalihan kod yang menghalang pencampuran bahasa dalam konfigurasi fungsi kepala-pelengkap yang dikenali sebagai bahasa yang distingtif.

Tidak ada contoh balas yang empirik bagi pendekatan Belazi, Rubin, dan Toribio, yang menandakan bahawa (23) bukanlah suatu fakta. Contoh (12), (13), (14) dan (22b), yang dikemukakan di atas, diambil kira sebagai

contoh balas bagi sistem Belazi, Rubin, dan Toribio, jika diberikan definisi mereka tentang perangkat kepala fungsian. Bagi yang ini kita mungkin menambahkan (25), binaan yang baik bentuknya, iaitu kata sandang tak pasti bahasa Nahuatl *se* wujud sebelum kata nama bahasa Sepanyol *hombre* "lelaki."

- (25) *Se hombre* kokoas *se kalli*
se hombre O-ki-koa-s *se kalli*
 a man 3S-3Os-buy-FUT a house
 "A man will buy a house."

Akhir sekali, saya secara ringkas akan membincangkan satu set cadangan yang dikemukakan dalam lingkungan kerangka perancangan bahasa, yang ditunjukkan oleh contoh hasil kerja Azuma (1991, 1993), de Bot (1992), dan Myers-Scotton (1993, 1995). Pendekatan ini bergantung pada kajian yang dijalankan terhadap penghasilan ayat oleh Fromkin (1971) dan Garrett (1975) dan dengan lebih kerap menggunakan model *Speaking* oleh Levelt (1989).

Mengikut Azuma (1993) dan Myers-Scotton (1993), bahasa matriks mendefinisikan kedudukan struktur permukaan bagi kata isi dan unsur fungsian. Myers-Scotton (1993) merujuk kepada hal ini sebagai Kerangka Bahasa Matriks. Azuma (1993) memberikan, contoh dalam (26) sebagai sokongan bagi teori ini di samping data lain. Dalam kerangka ini, kita menjangkakan (26a) terbentuk dengan baik tetapi bukan (26b) kerana dalam (26b) penunjuk *the* tidak berada dalam kedudukan permukaan bahasa matriks (Azuma, 1993).

- 26a. Uchi wa *whole chicken* o kau noyo
 we TOPIC *whole chicken* ACC. buy TAG
 "We buy a *whole chicken*."
 26b. *Watashi ga katta *the* hon wa takai
 I NOM. bought *the* book TOPIC expensive
 "The book I bought is expensive."

Dalam kebanyakan hal, pendekatan ini sama dengan Kekangan Persamaan dalam (7) dan tertakluk kepada beberapa kritikan yang sama. Terutamanya, pendekatan berkenaan tertakluk kepada contoh balas yang sama, seperti yang diberikan dalam (2), dan diulang di sini,

- 2a. The students had *visto la pelicula italiana*
 The students had *seen the Italian movie*

- 2b. *Los estudiantes habían seen the Italian movie
The students had seen the Italian movie

Perhatikan bahawa (2) tidak terbentuk dengan baik, walaupun bahasa matriks tersebut, sama ada dalam hal ini bahasa Inggeris atau bahasa Sepanyol, telah mendefinisikan kedudukan kata isi dan kategori fungsian dengan tepat. Contoh teka-teki yang empirik yang lain bagi pendekatan ini ialah (7)-(8), (21), dan (22).

Sistem Myers-Scotton (1993) mengakui bahawa pendefinisian bahasa matriks boleh berubah semasa penghasilannya, walaupun pada pertengahan ayat. Meskipun sistem ini dapat menyelamatkan analisis data ini, pendefinisian sistem berkenaan memperkenalkan kelemahan yang tidak dapat ditarik balik dan menjadikan Model MLF pada dasarnya mempunyai kebenaran.

Tambahan pula, tidak jelas bahawa pengalihan kod mempunyai ciri yang sama seperti fenomena pemprosesan yang lain, seperti penghadan terhadap pemancangan pusat dan panjangnya ayat. Model pemprosesan pertuturan selalunya menggunakan mekanisme yang seragam yang merentasi bahasa, contoh dalam (2) nampaknya tidak berbeza pada permukaannya daripada ayat penutur ekabahasa kecuali berkaitan dengan bentuk fonetik sesetengah unsurnya. Namun model tersebut tidak terbentuk dengan baik, suatu kenyataan yang menghairankan jika penghurai yang bertanggungjawab. Tambahan pula, cara yang lebih tepat untuk membincangkan hal pemprosesan binaan seperti itu, mungkin mengikut apa yang diterokai oleh Stabler (1994) yang berkaitan dengan pemancangan pusat berganda dan fenomena yang satu lagi, harus digunakan jika sempadan pengalihan kod mahu didefinisikan dengan baik mengikut cara begitu.

Akhir sekali, harus diberikan perhatian bahawa Myers-Scotton melihat Model Kerangka Bahasa Matriksnya (*Matrix Language Frame Model* (MLF)) sebagai model bagi prestasi dan *kecekapan*, dilihat dengan jelas terutamanya dalam kajian baru (Myers-Scotton, 1997). Gagasan bahawa suatu jenis “kerangka sintaksis” berfungsi pada tahap tatabahasa merupakan sesuatu yang biasa. Memang, Skinner (1957:346) menganggap ayat sebagai “kerangka garis kasar” yang mengandungi respons utama (kata nama, kata kerja, adjektif). Jika fakta kenahuan dapat dijelaskan sekiranya tanggapan seperti itu tidak wujud, seperti juga bukti teori sintaksis yang standard, maka Model MLF akan diketepikan atas dasar sifat berhati-hati dalam bidang sains. Jika kita ingin mempercayai bahawa konsep “kerangka bahasa” adalah perlu untuk menerangkan fakta khusus pengalihan kod penutur dwibahasa,

maka penyokong pandangan ini memikul beban untuk membuktikannya: Mereka mesti menunjukkan bahawa fakta kenahuan dalam pengalihan kod tidak dapat diterangkan kecuali tanggapan “kerangka bahasa” digunakan. Lagipun, jika kita ingin mempercayai bahawa “kerangka bahasa” merupakan prinsip tatabahasa dan bukannya kekangan khusus pengalihan kod, maka mereka mesti menunjukkan bahawa prinsip berkenaan ialah binaan yang digerakkan dengan baik bagi analisis data penutur ekabahasa juga.

Semua penjelasan yang baru dikaji semula, nampaknya mempunyai kelemahan konsep dan kelemahan empirik. Walau bagaimanapun, terbit dua aliran umum yang seharusnya disebut. Poplack (1980) dan Belazi, Rubin, dan Toribio (1994) berkongsi intuisi bahawa konflik dasar dalam keperluan tatabahasa campuran bertanggungjawab terhadap kesalahnahuan dalam pengalihan kod, suatu gagasan yang menarik, yang akan saya terangkan di bawah, dan yang ternyata sangat baik untuk menganalisis data pengalihan kod.

Mahootian (1993) dan Belazi, Rubin, dan Toribio (1994) juga telah menegaskan bahawa tidak ada kekangan yang berfungsi mengikut binaan pengalihan kod yang juga tidak berfungsi dalam binaan penutur ekabahasa, suatu cadangan yang berbalik kepada kajian Woolford (1983). Meskipun begitu, kedua-dua kerangka diteruskan untuk membentuk had yang arbitrari mengikut julat peranti tatabahasa yang relevan bagi pengalihan kod penutur dwibahasa (iaitu hubungan pelengkap). Kerana tiadanya bukti, maka tidak ada alasan untuk menghadkan julat hubungan tatabahasa yang berinteraksi dengan pengalihan kod. Sebenarnya, data yang dipertimbangkan setakat ini mengandungi bukti yang kukuh bahawa hubungan ini sahaja tidak dapat menjelaskan semua fakta tentang percampuran bahasa. Dengan membuat andaian yang paling mudah, dapatlah kita menganjurkan supaya semua hubungan tatabahasa dan kendaliannya yang relevan dengan bahasa ekabahasa adalah juga relevan bagi bahasa penutur dwibahasa, dan hanya yang ini. Pandangan ini difahami sebagai agenda penyelidikan dan bukan sebagai prinsip tatabahasa, mungkin dirumuskan seperti yang ditunjukkan dalam (27) [mengikut MacSwan (1997:175; 1999b:146)].

27. Tidak ada yang mengekang pengalihan kod selain keperluan tatabahasa campuran itu.

Prinsip dalam (27) menyatakan bahawa tidak ada prinsip tatabahasa yang dapat merujuk kepada pengalihan kod atau kepada bahasa yang berasingan, seperti yang dilakukan dalam cadangan Poplack (1981), Johsi (1985), Di Sciullo, Muysken, dan Singh (1986), Belazi, Rubin, dan Toribio (1994),

dikaji semula di atas. [Walaupun persoalannya tidak timbul, cadangan Mahootian (1993) nampaknya merupakan teori tentang hubungan tatabahasa yang relevan dengan pengalihan kod, dan bukan perumusan kekangan sintaksis yang entah apa namanya.]

Selepas memberikan garis kasar secara ringkas beberapa ciri penting Program Minimalis, saya akan membentangkan teori pengalihan kod yang mekanisme dasarnya mengandungi, bukan dalam kendalian peraturan tatabahasa yang digunakan secara khusus dalam konteks pengalihan kod, tetapi dengan menggunakan pertimbangan yang berprinsip tentang cara komponen tatabahasa yang berasingan dibenarkan untuk mengantara muka dalam keadaan dwibahasaan. Dengan cara ini dapatlah kita mengekalkan (27), walaupun kita membenarkan semua dan hanya hubungan yang relevan dengan bahasa penutur ekabahasa dan juga relevan bagi bahasa penutur dwibahasa. Dalam bahagian itu, saya akan melihat kembali contoh balas yang diberikan di sini berkaitan dengan model pengalihan kod intraayat yang lain.

PROGRAM MINIMALIS

Jangkaan bahawa adanya teori sintaksis yang parameternya terbatas kepada leksikon dijelaskan awal-awal lagi oleh Chomsky (1991:23):

Jika hanya ada satu bahasa manusia, ceritanya pastinya berakhir di situ sahaja. Tetapi kita tahu bahawa ini tidak benar, suatu kenyataan yang agak menghairankan. Prinsip umum peringkat permulaan jelas membenarkan satu julat variasi. Dikaitkan dengan beberapa banyak prinsip terdapat parameter yang mempunyai sedikit – mungkin hanya dua nilai. Barangkali yang dicadangkan oleh Hagit Borer, parameter itu sebenarnya terbatas kepada lesikon, dan ini bermakna bahawa bahasa-I yang selebihnya adalah tetap dan tak bervariasi, suatu gagasan yang mempunyai kesan yang luas yang telah terbukti agak produktif.

Dengan membataskan parameter leksikon bererti bahawa variasi linguistik terkeluar daripada ciri morfologi (abstrak dan konkrit) leksikon (Borer, 1984). Dalam model ini, terdapat dua komponen pusat: Sistem berkomputer C_{HL} untuk bahasa manusia, ialah sistem yang dianggap sebagai tidak berubah, walaupun merentasi bahasa, dan juga merupakan leksikon, yang padanya dikaitkan punca perbezaan idiosinkratik yang diperhatikan apabila merentasi bahasa. Cadangan bahawa bahasa-I adalah tetap dan tidak berubah dalam cara ini memperkenalkan versi Hipotesis Dasar Universal, gagasan bahawa struktur frasa tidak berubah apabila merentasi bahasa: Perbezaan

permukaan dalam susunan kata berkait hanya dengan penyusunan semula unsur dalam pohon sintaksis sebagai akibat kendalian pergerakan, yang dicetuskan oleh ciri morfologi yang dikodkan secara leksikal.

Struktur frasa juga diperoleh daripada leksikon program minimalis. Satu kendalian yang disebut sebagai *Select* oleh Chomsky (1995), memilih butiran daripada leksikon dan memperkenalkannya ke dalam sistem pengiraan, suatu subset leksikon yang dihimpunkan dan yang digunakan untuk membina satu terbitan. Satu lagi kendalian, *Merge*, mengambil butiran daripada pengiraan dan membentuk objek (substruktur) sintaksis yang disusun mengikut hierarki. Kendalian *Move* digunakan untuk objek sintaksis yang dibentuk oleh *Merge* untuk membina struktur baharu. Oleh itu, dalam Program Minimalis struktur pohon frasa dibina secara terbitan dengan menggunakan aplikasi tiga kendalian *Select*, *Merge*, dan *Move*, dikekang hanya oleh syarat bahawa ciri yang dikodkan secara leksikal berpadanan dalam laluan sesuatu terbitan. Struktur frasa, bersama-sama unjuran yang didefinisikan secara konfigurasi pengantaraan dan maksimum, oleh itu, tidak mempunyai status dalam sistem tatabahasa (C_{HL}).


Pergerakan didorong oleh penyemakan ciri dan mungkin dua jenisnya: Kepala mungkin mengalami *pergerakan kepala* dan bercantum dengan satu lagi kepala, atau unjuran maksimum boleh bergerak ke kedudukan khusus sesuatu kepala; dalam mana-mana satu kes, unsur itu bergerak bagi tujuan menyemak ciri morfologi bagi kasus, bilangan, diri, dan genus. Tambahan pula, pergerakannya boleh *terang-terangan* atau *terselindung*. Pergerakan terang-terangan didorong oleh ciri yang *kuat* dan boleh dilihat pada BF [bentuk fonetik (*phonetic form* PF), yang secara tradisi dikenali sebagai “struktur permukaan”] dan BL (bentuk logik *logical form* LF peringkat tafsiran). Pergerakan terselindung, didorong oleh ciri yang lemah, hanya dapat dilihat pada BL.

Prinsip ekonomi memilih kalangan terbitan tertumpu. Salah satu prinsip, Interpretasi Lengkap IL [*Full Interpretation* atau ringkasnya FI, memerlukan simbol yang tidak ada interpretasi deria motor dibenarkan pada tahap BF; digunakan pada tahap BL, IL melibatkan “setiap unsur perwakilan itu mempunyai interpretasi (bebas bahasa)” (Chomsky, 1995:27). Oleh itu, ciri yang tidak dapat diinterpretasikan [bertanda (-Boleh Diinterpretasikan)] mesti disemak dan (dalam sesetengah cadangan) dihapuskan oleh BL. Ciri-ciri seperti itu termasuk kasus, orang, bilangan, dan genus.

Derivasi dikatakan *bertemu pada tahap antara muka* (BF atau BL) jika derivasi memenuhi IL pada tahap itu; derivasi bertemu jika IL dipenuhi pada kedua-dua tahap. Suatu terbitan yang tidak bertemu juga dirujuk sebagai

suatu yang *jatuh*. Jika ciri ini tidak disemak, terbitan itu akan *jatuh*; jika *tidak serasi*, terbitan itu dibatalkan (iaitu terbitan persetujuan yang berlainan tidak dapat dibina). Chomsky (1995) menganggap bahawa butiran yang kompleks secara morfologi seperti *walked* dibentuk secara dalaman lingkungan leksikon, dengan sifat (*walk*) dan (kala lampau) sudah ditentukan. Oleh itu, peminjaman, dapat dilihat sebagai suatu kendalian, iaitu satu kata dasar diperkenalkan ke dalam leksikon yang khusus apabila butiran yang kompleks secara morfologi dibentuk sebelum memasuki sistem pengiraan (MacSwan, 1999b: 235).

Pada suatu tahap dalam terbitan itu, kendalian *Spell-Out* digunakan untuk membuang daripada terbitan, unsur yang hanya relevan dengan BF. Yang tinggal diterapkan kepada IL oleh subsistem C_{HL} yang disebut sebagai *komponen terselindung*. Unsur yang hanya relevan pada BF diterapkan kepada BF oleh kendalian yang bukan seperti komponen terselindung, dan kendalian itu mengandungi *komponen fonologi*. Komponen fonologi juga dianggap sebagai subsistem C_{HL} . Subsistem C_{HL} yang memetakan leksikon ke *Spell-Out* merupakan *komponen terang-terangan* (lazimnya disebut sebagai “sintaksis terang-terangan”). Rajah 1 memperlihatkan komponen ini secara berskema. Perhatikan bahawa pelbagai komponen itu (terang-terangan, terselindung dan fonologi) semuanya merupakan sebahagian sistem berkomputer C_{HL} untuk bahasa manusia, seperti juga kendalian *Se-*



Rajah 1 Kerangka Minimalis

lect yang menempatkan butiran ke dalam bilangan. [Untuk mendapatkan gambaran keseluruhan motivasi empirik bagi Program Minimalis, lihat Chomsky (1995) ulasan dan perbincangan yang panjang lebar.]

Dalam bahagian yang selepas ini, saya akan membuat garis kasar teori pengalihan kod yang mungkin dianggap sebagai minimalis daripada dua aspek dengan menggunakan andaian teori minimum, suatu prinsip yang penting dalam Program Minimalis, dengan menegaskan intepretasi yang ketat bagi (27), dan sejauh yang dapat, bergantung pada konsep dan prinsip Program Minimalis (Chomsky, 1995) bagi analisis data yang dikaji.

Perhatian khas akan diberikan terhadap penyemakan ciri sebagai mekhanisme untuk mencetuskan pergerakan. Mudah kata, sesuatu unsur itu bergerak dalam lingkungan struktur frasa supaya dapat menyemak ciri [kepala bergerak untuk bercantum dengan kepala yang lain, dan membentuk kepala yang kompleks atau kepala bergerak ke kedudukan penentu kepala yang lain]. Binaan yang terbentuk dengan cara ini bertemu hanya jika ciri itu dapat *disemak* dalam konfigurasi yang baharu. Agar dapat disemak, ciri mesti berpadanan [(+jamak) dengan (+jamak), atau (+akusatif) dengan (+akusatif)]. Berkaitan dengan ini, saya akan menggunakan sesetengah andaian Chomsky (1995) bahawa ciri tidak boleh “tidak sesuai” dalam laluan sesuatu terbitan, dan saya akan memperkenalkan prinsip ekonomi yang dibangunkan dalam Shütze (1997), Prinsip Memaksimumkan Persetujuan.

PENDEKATAN MINIMALIS TERHADAP PENGALIHAN KOD

Satu aspek penting Program Minimalis ialah bahawa semua pemelajaran ialah leksikal, dan semua parameter ialah mikroparameter yang berkaitan dengan setiap butiran leksikal. Hal ini memungkinkan penghasilan satu konsepsi yang berbeza tentang kedwibahasaan, kerana tidak perlu lagi untuk menganggap tatabahasa sebagai sesuatu yang dipetak-petakkan dalam beberapa segi dalam fakulti bahasa. Dalam kerangka Minimalis, C_{HL} tidak berubah-ubah, walaupun merentasi bahasa, dan Leksikon tidak perlu tersendiri bagi pembezaan sosiopolitik seperti bahasa Sepanyol, bahasa Nahuatl, dan bahasa Cina. Bezanya antara bahasa SVO seperti bahasa Inggeris dengan bahasa SOV seperti bahasa Korea, misalnya, didefinisikan mengikut kekuatan ciri dalam FP (Frasa Penunjuk) [*Determiner Phrase* (DP)] objek (lemah dalam bahasa Inggeris, kuat dalam bahasa Korea); selain variasi parameter seperti ini, tidak ada perbezaan dalam peraturan sintaksis, dan ini mengizinkan pemudahan dalam konsepsi kita tentang kedwibahasaan.

Dalam model yang bukan leksikal, halnya agak berbeza. Memang, interaksi tatabahasa dalam usaha menganalisis pengalihan kod diragui dalam model bukan leksikal, dan umumnya memerlukan kendalian “struktur terkawal” (Joshi, 1985), semacam suatu “tatabahasa ketiga” yang menjadi pengantara bagi interaksi kedua-dua sistem itu, seperti yang dibincangkan tadi. Pertimbangkan satu kes teori bukan leksikal, Teori GB. Dalam kajian awal, dianggap bahawa kearah pencabangan ditentukan oleh persekitaran parameter dalam lingkungan sistem komputer, dan bukannya di dalam lingkungan lesikon. Dalam sistem ini, pengalihan kod bahasa Jepun-bahasa Inggeris mempunyai keperluan yang bercanggah, hinggakan prinsip yang bertanggungjawab bagi menguasai interaksi tatabahasa diperlukan. Kita mungkin menjangkakan bahawa dalam sistem seperti itu pengalihan kod adalah tidak mungkin, kerana dengan menggabungkan sistem peraturan tatabahasa tidak akan memungkinkan pengiraan keperluan kearah bagi parameter pencabangan.

Walau bagaimanapun, jika semua variasi sintaksis dikaitkan dengan lesikon, seperti dalam Program Minimalis, maka pengalihan kod mungkin dilihat sebagai akibat biasa apabila menggabungkan dua lesikon dalam laluan sesuatu terbitan. Dalam MacSwan (1997, 1999b), saya membina model pengalihan kod intraayat yang daripadanya butiran dapat diperoleh daripada lesikon (diwakili secara berasingan) salah satu bahasa itu, untuk memperkenalkan ciri-ciri ke dalam sistem pengiraan, yang kemudiannya mesti diperiksa sama ada berlakunya persetumpuan dengan cara yang sama, seperti juga ciri ekabahasa mesti diperiksa (atau tidak boleh “tidak serasi”), dan tidak ada mekanisme yang khusus yang dibenarkan. Dalam pendekatan leksikalis, tiada “struktur kawalan” yang diperlukan untuk menjadi pengantara keperluan yang bercanggah dengan sistem campuran itu. Keperluan itu hanya dibawa bersama-sama dengan butiran leksikal sistem masing-masing. Kita akan menganggap sistem itu secara formal sebagai suatu sistem yang tatabahasanya digunakan untuk pengalihan kod itu terdiri daripada percantuman dua lesikon dan juga sistem pengiraan yang tetap, tanpa memerlukan mekanisme pengantaraan.

Walau bagaimanapun, Komponen Fonologi, yang bertanggungjawab memetakan pengiraan menjadi BF, adalah berbeza sifatnya daripada sintaksis. Peraturan fonologi membina struktur dengan cara yang tidak dilakukan oleh sintaksis, dan dengan berbuat begitu, peraturan itu biasanya merujuk kepada bahan morfologi yang khusus dengan kandungan fonetiknya. Seperti yang kita akan lihat, dalam sesetengah keadaan, peraturannya mempunyai ciri kerangka sintaksis bukan leksikal, supaya pengalihan kod pada tahap BF

tidak mungkin berlaku, suatu kenyataan yang mencadangkan bahawa penutur dwibahasa mempunyai sistem fonologi yang berasingan. Hal ini mesti ditangani dengan lebih terperinci dalam konteks perbincangan di bawah.

Chomsky (1995) dan yang lain telah menegaskan bahawa pengiraan $N \rightarrow \pi$ (iaitu pemetaan bentuk fonetik) adalah sangat berbeza daripada komponen sintaksis tatabahasa:

...pada titik *Spell-Out*, pengiraan itu berpecah menjadi dua bahagian, satu membentuk π dan yang satu lagi membentuk λ . Andaian yang paling mudah ialah (1) bahawa tidak perlu ada interaksi seterusnya antara pengiraan, dan (2) bahawa tatacara pengiraan adalah keseluruhannya seragam: sebarang kendalian boleh digunakan pada mana-mana titik. Kita mengambil (1), dan mengandaikan (2) untuk pengiraan daripada N ke λ , tetapi tidak untuk pengiraan daripada N ke π ; yang terkemudian itu mengubahsuai struktur (termasuk struktur dalaman entri leksikal) melalui proses yang berbeza daripada yang berlaku dalam pengiraan $N \rightarrow \lambda$ (229).

Oleh itu, manakala kendalian sintaksis dapat digunakan pada bila-bila masa, kendalian komponen fonologi mesti digunakan mengikut susunan tertentu, seperti yang ditegaskan oleh Bromberger dan Halle (1989). Dalam kajian yang lebih terkini dalam bidang fonologi, penarafan kekangan (sejenis penyusunan mengikut kepentingan) telah menjadi tumpuan perhatian dalam usaha menjelaskan variasi bahasa bersilang (Kager, 1999).

Perhatikan bahawa jika kita mencuba untuk mengambil penggabungan komponen BF bagi tujuan pengalihan kod, seperti yang kita lakukan dalam kes leksikon bagi mencampurkan komponen sintaksis tatabahasa, hubungan susunan pada peraturan tidak dapat dikekalkan. Misalnya, jika L_x menyusun R1 sebelum R2, dan L_y menyusun R2 sebelum R1, maka sistem yang terhasil tidak akan mempunyai hubungan susunan terhadap R1 atau R2, dan sistem berkenaan tidak akan dapat memenuhi keperluan bahawa peraturan itu mesti (separa) tersusun antara satu dengan yang lain. Daripada menggunakan struktur terkawal yang membenarkan sistem itu mengantara muka, mungkin lebih baik untuk meneruskan hipotesis, seperti yang dilakukan oleh MacSwan (1999b), bahawa pengalihan kod dalam pengiraan $N \rightarrow \pi$ sememangnya tidak mungkin, seperti yang dijelaskan dalam (29).

29. Teori Kata Penyarak BF

- a. Komponen BF terdiri daripada peraturan/kekangan yang mesti (separa) tersusun/diberikan taraf antara satu dengan yang lain, dan susunan/penarafan ini berbeza secara kesilangan bahasa.

- b. Pengalihan kod melibatkan penggabungan sekurang-kurangnya dua (leksikal dikodkan) tatabahasa.
- c. Hubungan susunan tidak dikekalkan dalam gabungan itu.
- d. Oleh itu, pengalihan kod dalam kalangan komponen BF adalah tidak mungkin.

Kita mungkin menganggap (29) sebagai wakil contoh konkrit Prinsip Interpretasi Lengkap (IL), yang memerlukan setiap objek mempunyai interpretasi deria motor untuk melayakkannya sebagai perwakilan yang sah, sejenis “syarat antara muka” (Chomsky, 1995). Oleh sebab sistem fonologi tidak dapat dicampurkan, pengalihan kod pada BF menjanakan unsur yang “tak tersebutkan” yang melanggar IL. Perhatikan bahawa sistem ini meramalkan bahawa pengalihan kod kurang daripada X^0 tidak dibenarkan, kerana X^0 ialah input bagi BF (Chomsky, 1995).

Penting diambil perhatian juga bahawa (29) tidak mempunyai ciri kekangan sintaksis berkenaan dengan pengalihan kod. Kekangan yang dikaji semula sebelum ini (terutamanya, yang dinyatakan dalam (3), (4), (10), (16), dan (24) merupakan teori sintaksis yang berkaitan dengan pengalihan kod. Secara bandingan, (29) ialah teori tentang hubungan antara komponen fonologi sistem linguistik penutur dwibahasa, dan disimpulkan daripada sifat peraturan fonologi. Oleh sebab (29) bukanlah peraturan tatabahasa, kita adalah konsisten dengan matlamat untuk tidak memasukkan semua peraturan khusus pengalihan kod, yang dinyatakan dengan jelas dalam (27).

Marilah kita mempertimbangkan beberapa akibat empirik Teori Kata Penyarak BF. Pertama, perhatikan bahawa (29) mengesampingkan masalah klasik seperti pertimbangan yang dicungkil yang diberikan dalam (30), selepas Poplack (1981), kerana sistem fonologi tidak boleh dialihkan kurang daripada X^0 . Sama ada kita menganggap unsur yang kompleks secara morfologi seperti *comie+ndo* (“eat+ing”) itu dicipta oleh prinsip pembentukan kata yang bersifat dalaman bagi leksikon [seperti yang dilakukan oleh Chomsky (1995)] atau melalui kendalian sintaksis, yang terdiri daripada unsur peringkat X^0 (mudah atau kompleks); oleh yang demikian, pengalihan di dalam lingkungannya tidak dibenarkan oleh (29).

- 30a. *Juan está *eat-iendo*
Juan be/1Ss eat-DUR
“Juan is eating.”
- 30b. *Juan *eat-6*
Juan eat-PAST/3Ss
“Juan ate.”

- 30c. *Juan *com-ed*
Juan eat-PAST
“Juan ate.”
- 30d. *Juan *eat-ará*
Juan be/1Ss eat-FUT/3Ss
“Juan will eat.”

Namun begitu, perhatikan bahawa jika kata dasar leksikal bahasa Inggeris ditangani dengan fonologi dan morfologi bahasa Sepanyol, seperti dalam kes pinjaman, tidak ada bentuk yang tidak betul akan terhasil:

- 31a. Juan *está parqueando su coche*
Juan be/1Ss park-DUR his car
“Juan is parking his car.”
- 31b. Juan *está parqueó su coche*
Juan park-PAST/3Ss his car
“Juan parked his car.”
- 31c. Juan *parqueará si coche*
Juan be/1Ss park-FUT/3Ss
“Juan will park his car.”

Seperti yang telah dinyatakan, Chomsky (1995) menganggap butiran seperti *walked* terbentuk secara dalaman di dalam lingkungan leksikon, dengan ciri-ciri (*walk*) dan (kala lampau) yang telah ditentukan. Oleh itu, kes peminjaman, seperti dalam (31), boleh dikaji semula sebagai kendalian yang memperkenalkan satu kata dasar baru ke dalam lesikon yang khusus, iaitu butiran yang kompleks secara morfologi terbentuk sebelum memasuki sistem pengiraan, dan di sini penyemakan ciri bermula.

Pertimbangkan sekali lagi contoh bahasa Sepanyol-bahasa Nahuatl dalam (9), yang diberikan sebelum ini sebagai contoh balas bagi Kekangan Morfem Bebas Poplack:

- 9a. Ne *nikamaroa in Maria*
ne ni-k-amar-oa in Maria
I 1s-3Os-love-VSF IN Maria
“I love Maria.”
- 9b. *Motrataroa de nin kirescataroa n Pocajontas*
mo-tratar-oa de nin O-ki-rescatar-oa in Pocajontas
REF-treat-VSF about this 3S-3Os-rescue-VSF IN Pocahontas
“It deals with the one who rescues Pocahontas.”

Dengan adanya teori peminjaman, bolehlah kita menganggap kata kerja ini sebagai butiran leksikal bahasa Sepanyol yang telah diperkenalkan ke dalam leksikon bahasa Nahuatl yang peraturan pembentukan katanya, yang wujud secara dalaman dalam leksikon bahasa Nahuatl, menambahkan morfologi yang mengandungi ciri fleksi yang sesuai. Berdasarkan analisis ini, kes (9) adalah selaras dengan yang terdapat dalam (31), dan tidak pula melanggar contoh (29).

Sudah tentunya terdapat contoh balas yang terkenal bagi Kekangan Morfem Bebas Poplack yang diterbitkan di tempat lain (lihat Mahootian, 1993; Belazi, Rubin, dan Toribio, 1994; MacSwan, 1999b). Perlu disertakan bukti tatabahasa dalam menilai contoh balas Kekangan Morfem Bebas yang akan memberitahu kita bahawa unit leksikal yang dianalisis adalah benar-benar linguistik, dan bukan hanya unit ortografi. Suatu ujian yang tuntas serta empirik bagi (29) akan menjadi analisis yang teliti tentang sempadan kata. Untuk sementara waktu, saya akan mengandaikan bahawa Kekangan Morfem Bebas adalah betul-betul tepat secara deskriptif, kerana kekangan itu menghalang pengalihan kata, oleh sebab pengalihan seperti itu melanggar integriti unsur peringkat X^0 yang sah.

Berkenaan dengan Teori Kata Penyarak BF, pengalihan kod tidak boleh berlaku dalam lingkungan butiran leksikal tunggal, atau X^0 tunggal, kerana X^0 ialah input bagi BF. Mari kita mengandaikan bahawa semua X^0 ialah input bagi BF, sama ada mudah atau kompleks, supaya tidak ada pengalihan kod yang kurang daripada X^0 dibenarkan, kerana ini disebabkan oleh sifat sistem peraturan fonologi itu. Oleh itu, Teori Kata Penyarak akan meramalkan bahawa pengalihan kod yang melibatkan pergerakan kepala harus diketepikan, sebab pergerakan kepala menghasilkan pembentukan X^0 yang kompleks. Dalam hubungan ini, kita mengingat kembali contoh dalam (2b) dan (13), kerana kedua-duanya melibatkan pengalihan kod antara aspek tatabahasa dengan kata kerja, dan kedua-dua diulang di bawah ini.

- 2b. *The student had *visto la pelicula italiana*
The student had seen the Italian movie
13. No, *parce que hanno donné des cours*
no, because have given of the lectures
"No, because they have given the lectures."

Belazi, Rubin dan Toribio (1994) memberikan contoh bahasa Sepanyol-bahasa Inggeris dalam (2b) sebagai wakil contoh konkrit bagi Kekangan Kepala Fungsian (FHC), dan Mahootian dan Santorini (1996) memberikan contoh (13), binaan bahasa Perancis-bahasa Itali yang diambil daripada Di

Scuillo, Muysken dan Singh (1986), sebagai contoh balas dalam kritikan mereka terhadap FHC.

Suatu sistem yang bergantung sepenuhnya pada konfigurasi struktur frasa, terutamanya pada hubungan pelengkap kepala, tidak akan mempunyai harapan untuk menerangkan percanggahan antara (2b) dengan (13), kerana binaan ini tidak berbeza antara satu dengan yang lain berkaitan dengan struktur frasa. Walau bagaimanapun, dalam analisis Minimalis data pengalihan kod, yang di dalamnya perbezaan tertentu bahasa itu dikodkan secara leksikal, bahasa tertentu yang digunakan dalam setiap binaan itu menjadi sangat signifikan.

Rizzi (1982) menganalisis modus⁵ bahasa Itali, aspek tatabahasa dan kata kerja gerak sebagai menstrukturkan kata kerja semula sebagai satu cara untuk menjelaskan (antara ciri khusus yang lain) bezaan dalam (32) dan (33).

- 32a. Finalmente si comincerà a costruire le nuove case popolari
 Finally *si* begin/FUT to build the new houses people/GEN
 "Finally we'll begin to build the new houses for the poor."
- 32b. Finalmente le nuove case popolari si cominceranno a costruire
 [Sama seperti (68a).]
- 33a. Finalmente si otterrà di costruire le nuove case popolari
 Finally *si* get.permission/Fut to build the new houses people/GEN
 "Finally we'll get permission to build the new houses for the poor."
- 33b. *Finalmente le nuove case popolari si otterranno di costruire
 [Sama seperti (69a).]

Dalam analisis Rizzi (1982), *comincerà* "will begin", tetapi bukan *otterrà* "will get permission", mencetuskan penganalisan semula yang tidak diwajibkan bagi bentuk $V_x (P) V_2 \Rightarrow V$, iaitu V_x ialah kata kerja bagi kelas yang distrukturkan semula, (P) ialah kata depan tidak diwajibkan yang mencelah, dan V_2 ialah kata kerja ayat pancangan. Proses penstruktur-an semula ini ialah sejenis pemajmukan. Dalam (32) penganalisan semula konstituen membenarkan objek klausa pancangan dalam binaan impersonal *si* bergerak ke kedudukan subjek klausa matriks; dalam (33) kenaikan taraf ini tidak diizinkan kerana penganalisan semula ini tidak boleh digunakan untuk *otterrà*. Perlu ditegaskan untuk tujuan kita ini, bahawa penganalisan semula dalam sistem Rizzi ialah tidak diwajibkan; dalam (32) subjek yang terpancang boleh wujud dalam mana-mana satu kedudukan kerana kata kerja itu mengizinkan (tetapi tidak memerlukan) penganalisan semula; walau bagaimanapun, dalam (33)

mungkin wujud dalam hanya satu kedudukan, sebab kata kerja itu tidak mengizinkan penganalisan semula.

Aspek tatabahasa *essere* digunakan dengan partisipel lampau dalam pasif impersonal bahasa Itali binaan *si*. Dalam binaan seperti (34a), *essere* juga boleh dikaji semula sebagai kata kerja penstrukturan semula, yang mengizinkan kenaikan taraf objek pancangan ke kedudukan subjek matriks, yang ditunjukkan dalam (34b).⁶

34a. *Si è dato un regalo*
si essere given a gift
 “A gift is given.”

34b. *Un regalo si è dato*
 a gift *si essere given*
 “A gift is given.”

Pada analisis Rizzi (1982), penstrukturan semula telah digunakan untuk (34b) tetapi tidak bagi (34a), dan ini memaksa kenaikan taraf [_{NP} *un regalo*] pada (34b).

Walau bagaimanapun, perhatikan bahawa pola penilaian yang berbeza terbit apabila pengalihan kod terlibat dalam (34). Pertimbangkan fakta bahasa Perancis-bahasa Itali dalam (35).

35a. *Si è donné un cadeau*
si essere given a gift

35b. **Un cadeau si è donné*
 a gift *si essere given*

Pergerakan [_{NP} *un cadeau*] menunjukkan bahawa penganalisan semula telah berlaku dalam (35b), seperti yang dilakukannya dalam (34b). Kompleks kerjaan adalah serupa dalam (35a) dan (35b): Suatu campuran aspek tatabahasa kata bantu bahasa Itali *è* yang kedudukannya betul-betul bersebelahan dengan partisipel lampau bahasa Perancis, iaitu *donné*. Oleh yang demikian, ketakbolehteraan (35b) menunjukkan bahawa penstrukturan semula berhubung kait dengan larangan terhadap pencampuran dalam jujukan V-V.

Baker (1988) menganalisis kausatif (penyebab) tertentu, dan Li (1990) menganalisis binaan “kata kerja bersiri” tertentu, dengan andaian bahawa pemajmukan V-V adalah wajib bagi data bahasa yang berkenaan dalam analisis masing-masing. Pollock (1994) menganalisis kata kerja gerak bahasa Inggeris *come* dan *go*, dan juga kausatif bahasa Inggeris, serta melibatkan

juga penggabungan kata kerja, dan penganalisan semula morfologi masih boleh dilakukan untuk variasi idiolek dalam binaan ini.

Maka sewajarnya saya mengandaikan bahawa penggabungan kata kerja [*verb incorporation* (VI)] adalah, kadang-kadang tidak diwajibkan, kadang-kadang wajib, kadang-kadang tidak ada, dan ini menjelaskan bahawa adanya julat kepelbagaian bahasa.

Analisis baru untuk (2b) dan (13) yang mengizinkan konflik yang ketara dalam dapatan yang asas yang akan diselesaikan, sudah dapat diperolehi sekarang. Dalam (2b), kata bahasa Inggeris *had* mencetuskan penganalisan semula yang wajib dijalankan dengan partisipel bahasa Sepanyol *visto* "seen", yang membentuk X^0 yang kompleks, yang seperti X^0 lain, merupakan input bagi BF. Oleh sebab pengalihan tidak dibenarkan dalam sistem fonologi, (2b) gagal pada peringkat BF. Walau bagaimanapun, dalam (13) kata bantu bahasa Itali *hanno* "had" membenarkannya tetapi tidak memerlukan penganalisan semula, seperti juga perumusan Rizzi (1982). Oleh itu, terbitan persetumpuan bagi (13) dapat diperolehi — secara spesifik, iaitu yang padanya penstrukturian semula tidak berlaku.

Larangan terhadap pengalihan yang kurang daripada X^0 boleh juga digunakan untuk menerangkan bentuk binaan yang tidak terbentuk dengan baik dalam (5) yang di dalamnya klitik bahasa Sepanyol telah diletakkan bersebelahan dengan kata kerja bahasa Inggeris, kerana klitik KIV Form/ from membentuk unit dengan V^0 (Zagona, 1988). Juga pertimbangkan sekali lagi larangan terhadap pengalihan selepas penafian, yang dibincangkan lebih awal berkaitan dengan teori Mahootian (1993):

- 21a. *El no *wants to go*
 he not want to go
 "He doesn't want to go."
- 21b. *He doesn't *quiere ir*
 He doesn't want/3Ss go/INF
 "He doesn't want to go."
- 22a. *No *nitekinitoc*
 no ni-tekiti-toc
 not 1S-work-DUR
 "I'm not working."
- 22b. Amo *estoy trabajando*
 amo estoy trabaja-ndo
 not be/PRES/1Ss work-DUR
 "I'm not working."

Dalam kata bahasa Perancis, *ne* “not” pada umumnya dianggap sebagai unsur klitik dalam binaan seperti (36) (lihat Kayne [1975]).

36. N'avait-il pas mangé?
not have-he PAS eaten
“Didn't he eat?”

Ini terbukti bahawa kata bahasa Sepanyol *no* juga merupakan klitik, walaupun tidak terdapat refleks (bentuk turunan) fonologi dalam pengklitikkannya seperti dalam (36) bagi bahasa Perancis. Zagona (1988) berhujah sebenarnya ini, beliau mendakwa bahawa kata bahasa Sepanyol *no* merupakan sebahagian daripada kompleks kerjaan bahasa Sepanyol, suatu klitik bagi V. Untuk mengemukakan hujah bagi analisis ini, Zagona menegaskan bahawa kata bahasa Sepanyol *no* mesti didepankan dengan kata kerja, dalam (37), tidak seperti adverba dalam (38).

37. ¿Qué no dijo Juan?
what not say/1Ss/Past Juan
“What didn't Juan say?”
38a. *¿Qué sólo leyó Juan?
what only read/1Ss/PAST Juan
“What did Juan only read?”
38b. *¿Qué meramente leyó Juan?
what merely read/1Ss/PAST Juan
“What did Juan merely read?”

Zagona (1988) juga menegaskan bahawa kata bahasa Sepanyol *no* tidak boleh diberikan tekanan secara bandingan dalam (39a), seperti yang boleh dilakukan oleh rakannya dalam (39b), semata-mata kerana hakikatnya ialah bahawa “klitik sememangnya tidak boleh diberikan tekanan”. Zagona (1988) berhujah bahawa contoh dalam (39b) menunjukkan bahawa dalam bahasa Inggeris, berbanding dengan bahasa Sepanyol, unsur nafi tidak perlu menjadi klitik.⁷

- 39a. *Juan no ha no hecho la tarea
Juan not has not done the task
“Juan hasn't not done the task
39b. Juan hasn't not done the task

Kenyataan ini mencadangkan bahawa dalam bahasa Sepanyol, seperti juga dalam bahasa Perancis, kata kerja bukan merupakan hos bagi penafian yang diklitikkan. Untuk kenyataan yang lebih konkrit, saya akan

mengandaikan bahawa sesetengah sifat Neg (Nafi) dalam bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol menarik minat V, seperti T menarik minat V.

Bahasa Nahuatl berbeza kelakuannya daripada bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol berkaitan dengan penafian. Suatu ujian yang sama dengan yang digunakan oleh Zagona dalam (39) menunjukkan bahawa bahasa Nahuatl mencontohi pola bahasa Inggeris:

40. Amo nio amo niktati nowelti
 amo ni-o amo ni-k-tati no-welti
 not 1S-go amo 1S-3Os-see my-sister
 "I'm not going to not see my siste."

Oleh sebab klitik tidak boleh diberikan tekanan secara dalaman, kita dapat membuat kesimpulan daripada (40), bahawa *amo* bukan klitik dalam bahasa Nahuatl.

Laporan tentang pengalihan kod yang melibatkan penafian dapat diperolehi sekarang. Pengalihan antara kata bahasa Sepanyol *no* "not" dengan kata kerja bahasa Inggeris dalam (21a) menghasilkan binaan yang tidak terbentuk dengan baik, kerana kata bahasa Sepanyol *no* berklitik dengan kata kerjanya, dan pengalihan tidak akan berlaku di dalam lingkungan kompleks X^0 . Analisis yang sama juga bertahan untuk (22a), iaitu kata bahasa Sepanyol *no* wujud sebelum kata kerja bahasa Nahuatl. Walau bagaimanapun, dalam (22b), binaan yang tidak terbentuk dengan baik tidak berlaku kerana kata bahasa Nahuatl *amo* "not" tidak berklitik dengan kata kerjanya. Dalam (21b), kata bahasa Inggeris *doesn't* tidak wujud sebelum kata kerja infleksi bahasa Sepanyol. Di sini kita dapat meneka bahawa kata kerja itu tidak dapat menghilangkan ciri kalanya (*tense feature*), kerana kala telah pun diwakili dalam kata *doesn't*. Dengan kata lain, (21b) ialah binaan yang tidak terbentuk dengan baik atas sebab yang sama dengan (41) yang juga tidak terbentuk dengan baik:

41. *He doesn't wants to go

Akhir sekali, mari kita beralih kepada suatu penganalisan data dalam (7)-(8), yang diberikan dahulu sebagai contoh balas terhadap Kekangan Kesepadanan Poplack dan Model MLF Myers-Scotton. Contoh yang diberikan di situ menunjukkan bahawa, dalam pengalihan kod bahasa Sepanyol-bahasa Nahuatl, suatu asimetri muncul: Pengalihan kod antara kata ganti nama bahasa Sepanyol dengan kata kerja bahasa Nahuatl tidak akan berlaku bagi diri pertama atau diri kedua, tetapi pengalihan kod bagi diri ketiga terbentuk dengan baik:

42. *Yo *nikoas tlakemetl*
 yo ni-k-koa-s tlake-me-tl
 I 1S-3Os-buy-FUT garment-PL-NSF
 "I will buy clothes."
43. *Tú *tikoas tlakemetl*
 tú ti-k-koa-s tlake-me-tl
 you/SING 2S-3Os-buy-FUT garment-PL-NSF
 "You will buy clothes."
44. Él *kikoas tlakemetl*
 él 0-ki-koa-s tlak-eme-tl
 he 3S-3Os-buy-FUT garment-PL-NSF
 "He will buy clothes."
45. Ella *kikoas tlakemetl*
 ella 0-ki-koa-s tlake-me-tl
 she 3S-3Os-buy-FUT garment-PL-NSF
 "She will buy clothes."

Perhatikan bahawa morfem kesesuaian subjek tidak wujud bagi diri ketiga dalam bahasa Nahuatl, tetapi ialah *ni-* untuk diri pertama dan *ti-* untuk diri kedua, seperti yang dapat dilihat dalam contoh yang diberikan. Asimetri ini dalam kesesuaian imbuhan adalah selaras dengan apa yang dapat kita peroleh dalam bahasa Inggeris, iaitu *-s* menandakan kesesuaian diri ketiga tetapi tidak wujud untuk diri pertama dan diri kedua.

Pollock (1994) mencadangkan, selepas Kayne (1989), bahawa tidak ada akhiran diri yang tidak wujud (*no null person suffix*) - \emptyset yang berkontras dengan *-s* dalam bahasa Inggeris; iaitu, daripada mendakwa bahawa kata kerja asas bahasa Inggeris mempunyai kesesuaian imbuhan kosong dari segi fonetik. Asimetri morfologi ini digunakan untuk menerangkan dua teka-teki sintaksis yang menarik dalam bahasa Inggeris, teka-teki fleksi dalam (46), yang mula-mula diperhatikan oleh Jaeggli dan Hyams (1993), dan teka-teki kausatif dalam (47).

- 46a. John goes to talk to his advisor every day
 46b. *John goes talk to his advisor every day
 46c. I/you go to see a movie every Tuesday
 46d. I/you go see a movie every Tuesday
 47a. John made Mary leave
 47b. Mary was made to leave
 47c. *Mary was made leave

Perincian pemerian Pollock (1994) bagi kontras dalam (46) dan (47) tidak relevan bagi perbincangan kita, kecuali untuk mengambil perhatian bahawa peranan penting ini dimainkan oleh andaian bahawa kata kerja bahasa Inggeris menjalani penyemakan ciri hanya jika ia ditandai dengan morfem kesesuaian yang cirinya memerlukan penyemakan; jika tidak, unsurnya kekal sebagai *in situ*. Berkaitan dengan ini, kata kerja tak fleksi dalam bahasa Inggeris adalah seperti infinitif.

Walau bagaimanapun, pendekatan yang dibangunkan oleh Pollock, menimbulkan persoalan penting yang tidak berjawab. Khususnya, tentang penerangan Poplack, bahawa tidak ada cara yang jelas untuk menghalang (48b).

48a. He likes Mary

48b. *He like Mary

Subjek dalam kedua-dua contoh menyemak kasusnya dan ciri ϕ dalam (Spec, TP), tetapi kata kerja asas *like* dalam (48) tidak bangkit untuk menyemak cirinya; maka, tidak ada konflik ciri yang akan dikesan dan binaan seharusnya terbentuk dengan baik, dan ini bertentangan dengan fakta. Jaens-Yves Pollock (komunikasi peribadi) telah mencadangkan bahawa hubungan ini mungkin dicapai melalui pengantara dalam kelongsong VP sebelum subjek atau pengeluaran kata kerja, mungkin melibatkan beberapa syarat penyisipan leksikal. Memang, berkaitan dengan isu-isu yang serupa dalam data lain, Shütze (1997) menganjurkan Prinsip Memaksimumkan Persetujuan (PMP) [*Accord Maximization Principle (AMP)*], prinsip ekonomi yang memberikan keutamaan kepada terbitan yang mempunyai jumlah maksimum kesesuaian dan ciri kasus.

49. Prinsip Memaksimumkan Persetujuan (PMP)

Antara seperangkat persetujuan terbitan S yang terhasil daripada pengiraan yang serupa kecuali ϕ - dan ciri kasus yang tidak dapat diinterpretasikan, sehingga anggota S memuaskan kekangan lain yang relevan, iaitu anggota S yang bilangannya paling banyak hubungan. Persetujuannya yang diwujudkan itu menghalang kesemua terbitan lain dalam S.

Maka, manakala kedua-dua contoh dalam (48) ialah terbitan persetujuan, (47) menyatakan bahawa contoh itu dihalang oleh adanya (49a), yang serupa dari segala segi dengan (49b), kecuali mempunyai jumlah morfem persetujuan yang maksimum.

Kita andaikan bahawa imbuhan diri ketiga “yang tidak wujud” dalam bahasa Nahuatl, seperti *-s* bahasa Inggeris, juga tidak wujud, selepas analisis Pollock (1994). Mekanisme yang sama yang menghalang (48b) dengan itu diperpanjang ke dalam ungkapan bahasa Nahuatl dalam (50), kecuali (50a) kerana adanya (50b).

- 50a. *Ne kikoas tlakemetl
 ne ki-koa-s tlake-me-tl
 I 3Os-buy-FUT garment-PL-NSF
 “I will buy some clothes.”
- 50b. Ne nikoas tlakemetl
 ne ni-k-koa-s tlake-me-tl
 I 1S-3Os-buy-FUT garment-PL-NSF
 “I will buy some clothes.”

Kini analisis ini mengizinkan kita untuk membezakan antara (42)-(43), yang diterbitkan untuk kesesuaian subjek, dengan (44)-(45), yang tidak begitu. Sekiranya tidak ada penyemakan bagi kata kerja dalam binaan yang boleh diterima dalam (44)-(45), maka ini menandakan bahawa kesalahan tata-bahasa dalam (42)-(43) berkait dengan konflik yang ada dalam ciri matriks subjek bahasa Sepanyol dan kata kerja bahasa Nahuatl.

Bandangan yang menarik antara kata ganti bahasa Sepanyol dengan bahasa Nahuatl, ditunjukkan dengan jelas dalam morfologinya yang dapat dilihat, ialah sistem genus masing-masing. Ganti nama bahasa Sepanyol dan FP bahasa Sepanyol ditandai untuk genus feminin atau maskulin, manakala kata ganti dan FP bahasa Nahuatl tidak mempunyai penandaan seperti itu. Sememangnya, dalam bahasa Nahuatl, kata ganti yang sama *ye* digunakan untuk *he* atau *she* (dalam kasus akusatif atau nominatif). Kita andaikan bahawa bahasa Sepanyol dan bahasa Nahuatl benar-benar berbeza dari segi matriks cirinya berkaitan dengan genus. Ini ialah gagasan yang asli; alternatifnya, ialah bahasa seperti bahasa Nahuatl mempunyai penanda genus yang terselindung, dan ini tidak dapat dipercayai kerana tidak dapat dipelajari: Tidak ada penandaan genus pada FP dalam bahasa Nahuatl, jadi tidak ada cara untuk kita mengetahui FP yang mana yang maskulin dan yang mana feminin. Oleh itu, saya akan mengandaikan bahawa genus bahasa Nahuatl tidak wujud, atau bernilai satu, dan bahawa genus bahasa Sepanyol bernilai dua (maskulin, feminin). Secara formal, perbezaan ini boleh dianggap berpunca daripada nilai \emptyset : untuk bahasa Sepanyol, $j = \{\text{diri, angka, genus}\}$, tetapi bahasa Nahuatl, sama ada tidak mempunyai ciri genus atau

mempunyai ciri genus yang tidak wujud (iaitu \emptyset genus).

Akhir sekali, kita andaikan bahawa genus, seperti juga ciri-ciri lain, boleh menjadi “tidak sepadan” dalam arah aliran sesuatu terbitan, yang menyebabkan terbitan itu dibatalkan, dengan mengikut kedudukan yang digunakan oleh Chomsky (1995a:309) untuk menerangkan pelbagai data yang lain. Terbitan yang dibatalkan ialah terbitan persetumpuan yang lebih optimum tidak akan dipertimbangkan: Jika ciri ini tidak sepadan, terbitan seterusnya akan dihalang.⁸ Oleh yang demikian, kita mengandaikan (51).

51. Ketidaksepadanan ciri membatalkan terbitan.

Sekarang penerangan bagi (42)-(45) boleh dibina berkaitan dengan ketidaksepadanan ciri genus \emptyset dalam bahasa Sepanyol dan bahasa Nahuatl. T dalam binaan ini hanya boleh memilih FP bahasa Sepanyol sebagai penentunya jika ciri \emptyset T berpadanan dengan nilai D bagi \emptyset ; maka, kewujudan ganti nama bahasa Sepanyol dalam (42)-(45) menunjukkan bahawa T dalam binaan ini mempunyai nilai \emptyset bahasa Sepanyol, termasuk [\pm genus]. Dalam (42)-(43), awalan subjek dalam kata kerja menyebabkan V bercantum dengan T untuk penyemakan ciri. Walau bagaimanapun, \emptyset bahasa Nahuatl dalam V tidak bersepadanan dengan \emptyset bahasa Sepanyol dalam T (lebih khusus, \pm genus tidak bersepadanan dengan genus \emptyset) dan terbitan dibatalkan, dalam (50). Sekali lagi, dalam kes (44)-(45), V bahasa Nahuatl tidak mengalami penyemakan LF kerana tidak mempunyai morfem kesesuaian subjek. Oleh sebab V tidak memasuki hubungan penyemakan dengan T dalam binaan ini, (44)-(45) bertumpu.

Analisis yang dibentangkan di sini mempunyai pegangan yang kuat terhadap pengalihan kod antara kata ganti (atau leksikal FP) dengan kata kerja harus diterima jika dan hanya jika sistem genus serasi.⁹ Pertimbangan penilaian dalam (52) dan (53), yang dituturkan oleh penutur tribahasa, bahasa Sepanyol-bahasa Katalan-bahasa Greek. Penutur ini menunjukkan bahawa pengalihan dalam (52) melibatkan bahasa Sepanyol dan bahasa Katalan, kedua-duanya mempunyai sistem dua nilai, adalah terbentuk dengan agak baik; walau bagaimanapun, apabila bahasa Greek, sistem yang bernilai tiga, dicampurkan dengan sama ada bahasa Sepanyol atau bahasa Katalan, binaan ini ternyata gred dengan teruknya.

52a. *Yo vull mengar el dinar* (bahasa Sepanyol-bahasa Katalan)

I want eat/INF the dinner

“I want to eat dinner.”

52b. *El vol mengar el dinar* (bahasa Sepanyol-bahasa Katalan)

- he wants eat/INF the dinner
 “He wants to eat dinner.”
- 52c. *Jo quiero comer la cena* (bahasa Katalan-bahasa Sepanyol)
 I want eat/INF the dinner
 “I want to eat dinner.”
- 53a. **Ego vull mengar el dinar* (bahasa Greek-bahasa Katalan)
 I want eat/INF the dinner
 “I want to eat dinner.”
- 53b. **Ego quiero comer la cena* (bahasa Greek-bahasa Sepanyol)
 I want eat/INF the dinner
 “I want to eat dinner.”
- 53c. **Aftos vol mengar el dinar* (bahasa Greek-bahasa Katalan)
 he wants eat/INF the dinner
 “He wants to eat dinner.”
- 53d. **Aftos quiere comer la cena* (bahasa Greek-bahasa Sepanyol)
 he wants eat/INF the dinner
 “He wants to eat dinner.”

Data dan analisis yang dibincangkan dalam bahagian ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa banyak contoh balas terhadap kekangan umum pengalihan kod yang dikaji semula dalam makalah ini, namun dengan menganggap serius andaian bahawa tidak ada kekangan khas pengalihan kod yang dapat membawa kita kepada wasasan yang baru, baik dalam kedwibahasaan mahupun dalam teori tatabahasa pada umumnya.

Beberapa kebaikan pendekatan Minimalis terhadap pengalihan kod yang mengatasi teori sebelum ini juga telah muncul. Sesetengah kebaikan yang lebih menonjol disenaraikan dalam (54).

54. Beberapa banyak kebaikan pendekatan Minimalis terhadap pengalihan kod.
- (a) Kerana perbezaan bahasa dikodkan dalam butiran leksikal yang tertentu, sumbangan tatabahasa bagi setiap bahasa dalam ayat yang dialihkan kod dapat dikenal pasti dengan jelas.
 - (b) Kerana komponen sintaksis sistem berkomputeran (C_{HL}) boleh diandaikan sebagai tidak berubah semasa merentasi bahasa, tiada “struktur terkawal” atau “tatabahasa ketiga” yang diperlukan untuk menjadi pengantara antara keperluan yang bercanggah.
 - (c) Kerana pendekatan Minimalis memberikan tumpuan pada penggunaan minimal andaian teori (yang mengizinkan hanya andaian yang sama dengan “keperluan konsep maya”), Pendekatan itu

ialah kerangka semula jadi yang memungkinkan kita mengambil secara serius pandangan bahawa tidak ada kekangan khusus pengalihan kod. Hal ini memaksa kita menyelidik data ini dengan lebih ketat, dan biasanya membawa kita kepada wasasan baru dalam kedwibahasaan dan teori tatabahasa.

- (d) Kerana Program Minimalis didorong sebahagian besarnya oleh pertimbangan teori dan pertimbangan empirik dalam konteks data ekabahasa (Chomsky, 1995), dan dengan meneruskan pendekatan Minimalis terhadap pengalihan kod ini mengizinkan kita untuk terus konsisten dengan kerja-kerja masa kini dalam teori sintaksis kerana hal ini berkaitan dengan bahasa penutur ekabahasa.
- (e) Kerana komponen fonologi sistem berkomputer (C_{HL}) dianggap berbeza sifatnya daripada komponen sintaksis, dan kerana peraturan/kekangan sistem fonologi disusun/diperingkatkan mengikut kaitan antara satu dengan yang lain, kita mungkin tidak membenarkan pengalihan kod dalam fonologi, tetapi masih mengizinkaninya dalam ayat dengan cara yang semula jadi.

Sesetengah perkara yang disebut dalam (54) mempunyai implikasi terhadap teori kita, iaitu tentang pengurusan fakulti bahasa penutur dwibahasa. Pendekatan yang digunakan di sini telah menggunakan prinsip ini dengan agak meluas, disimpulkan daripada sifat sistem peraturan fonologi dan dinyatakan dalam (29), yang melarang pengalihan dalaman X^0 . Hakikat bahawa pengalihan bahasa dapat diperolehi dalam ayat tetapi tidak dalam fonologi, menimbulkan beberapa fakta yang menarik tentang reka bentuk fakulti bahasa penutur dwibahasa yang akan dijelaskan di bawah.

KESIMPULAN

Data dan perbincangan yang dibentangkan dalam makalah ini nampaknya memberikan justifikasi kepada beberapa andaian tentang reka bentuk fakulti bahasa penutur dwibahasa. Chomsky (1995) memberikan perhatiannya terhadap usaha membina teori yang menggunakan peranti teori minimum untuk menjelaskan data variasi bahasa bersilang. Dari segi ini, usaha ini menangani persoalan (1b) kita secara langsung, dan diulang di sini.

1b. Apakah komponen fakulti bahasa bagi manusia?

Fakulti bahasa mempunyai leksikon, yang termasuk peraturan morfologi pembentukan kata. Kendalian Pilih (*Select*) dalam sistem berkomputer (C_{HL})

meletakkan butiran yang dibentuk di dalam lingkungan leksikon menjadi sistem pengiraan, suatu subset butiran leksikal yang kendalian C_{HL} akan mencuba untuk membentuk terbitan tertumpu dengan menyemak ciri yang dikodkan secara leksikal. Oleh sebab sistem pengiraan dibina oleh kendalian *Pilih*, maka sistem itu tidak perlu dispesifikasikan secara bebas sebagai komponen fakulti bahasa.

Sebagaimana yang telah disebutkan, komponen lain C_{HL} (terang-terangan, terselindung dan fonologi) menerbitkan dua representasi, BF dan BL, yang mencapah pada tahap *Spell-Out* dalam perjalanan terbitan itu. Seperti sistem pengiraan, BF dan BL diterbitkan daripada kendalian C_{HL} . Kendalian *Spell-Out*, yang melucutkan unsur yang hanya relevan untuk BF daripada terbitan, juga merupakan sebahagian C_{HL} . Maka, dalam Program Minimalis, dua komponen, Leksikon dan Sistem Berkomputer untuk Bahasa Manusia (C_{HL}), mengaitkan bunyi dan makna. Sebagai jawapan kepada (1b) maka kita menyenaraikan komponen fakulti bahasa dalam (55). (Bandingkan Rajah 1.)

55. Komponen fakulti bahasa
 Leksikon (dengan peraturan dalaman pembentukan kata)
 Sistem Berkomputer untuk Bahasa Manusia (C_{HL})
 Pilih
 Komponen Terang-terangan
 Komponen Terselindung
 Komponen Fonologi

Tentu sekali, terdapat aspek penting yang lain dalam sistem bahasa yang tidak disebut di sini, kerana aspek ini menjangkau skop hasil kerja sekarang. Misalnya, sistem fonologi boleh dianggap sebagai mengandungi sehim-punan unsur asas (fonem), suatu perkara yang tidak saya bincangkan. Sebagai tambahan, bahasa yang digunakan juga melibatkan sistem wacana, pragmatik, persepsi pertuturan, dan penghuraian/penghasilan, tetapi ini tidak relevan bagi perbincangan yang diadakan di sini.

Dengan diberikan teori pengalihan kod yang dibentangkan di sini, bagaimanakah fakulti bahasa penutur dwibahasa berbeza daripada fakulti bahasa penutur ekabahasa? Inilah persoalan yang dibentangkan dalam (1a):

- 1a. Komponen manakah yang merupakan komponen dalaman bagi fakulti bahasa yang dapat dikongsi oleh kedua-dua bahasa, dan komponen manakah yang harus bebas (diduplikasikan)?

Oleh sebab semua variasi bahasa bersilang dikodkan secara leksikal, kendalian sintaksis sistem berkomputer boleh diandaikan sebagai tidak

berubah. Maka, penutur dwibahasa boleh dianggap sebagai mempunyai sistem kesatuan kendalian sintaksis yang bertanggungjawab terhadap pemetaan sistem pengiraan menjadi BL (pengiraan $N \rightarrow \lambda$). Walau bagaimanapun, kerana setiap leksikon mesti mempunyai kendalian dalaman yang berbeza untuk membentuk butiran leksikal yang kompleks dari segi morfologi (seperti *walked* dan *camino* "he walked"), nampaknya munasabahlah untuk mengandaikan bahawa penutur dwibahasa mempunyai leksikon yang berbeza, masing-masing dengan prinsip morfologi dalamannya bagi pembentukan kata.¹⁰ Oleh sebab pengiraan $N \rightarrow \lambda$ tidak perlu untuk membuat perbezaan antara leksikon, kendalian *Pilih* dapat memperoleh butiran daripada salah satu leksikon dan memperkenalkannya ke dalam terbitan, tempat kendalian itu akan disemak bagi persetumpuan.

Walaupun, oleh sebab kendalian yang berkaitan dengan pengiraan yang memetakan sistem pengiraan itu dengan BF (pengiraan $N \rightarrow \lambda$) disusun berkaitan antara satu dengan yang lain, maka tidak dibenarkan penggabungan sistem fonologi. Oleh itu, penutur dwibahasa mestilah mempunyai sistem fonologi yang berasingan dan yang berbeza bagi setiap bahasa, seperti yang dibincangkan di atas berkaitan dengan Teori Kata Penyarak BF dalam (29). (Fakta ini mungkin berkait secara prinsipnya dengan gangguan fonologi L1 yang berterusan yang kerap diperhatikan dalam jujukan L2 penutur dwibahasa.)

Oleh itu, fakta yang dipertimbangkan di sini nampaknya menunjukkan bahawa hanya pengiraan $N \rightarrow \lambda$ yang sama dalam kedua-dua sistem bahasa. Berbanding dengan gambaran dalam Rajah 1, penutur dwibahasa mempunyai dua leksikon yang berbeza, setiap satu dengan peraturan dalamannya bagi pembentukan kata. Sistem pengiraan $N \rightarrow \lambda$ yang terkandung dalam kendalian komponen yang terang-terangan dan (selepas *Spell-Out*) komponen terselindung, dan yang kedua-duanya boleh dikongsi oleh himpunan leksikal penutur dwibahasa. Walau bagaimanapun, komponen fonologi C_{HL} tidak boleh dikongsi kerana cirinya yang sangat khusus bahasa, dan terutamanya, kerana sifat sistem peraturannya.

Oleh yang demikian, komponen yang relevan dengan pertuturan dwibahasa adalah yang digariskan dalam (56) dan dibentangkan secara grafik dalam Rajah 2. (Notasi L_x dan L_y merujuk kepada kedua-dua bahasa yang diwakili dalam minda penutur dwibahasa.) Dalam sistem ini, pengalihan kod di dalam lingkungan komponen sintaksis boleh berlaku kerana *Pilih* dapat memperoleh butiran daripada salah satu leksikon, dan secara berkesan membentuk kesatuan kedua-duanya bagi tujuan terbitan tersebut. Walaupun kedua-dua sistem fonologi terlibat dalam menerbitkan BF, tetapi setiap satu dipetakan dan dibataskan mengikut syarat leksikon masing-masing. Keadaan

ini digambarkan dalam Rajah 2 oleh ungkapan $Fonologi(L_x) \cup Fonologi(L_y)$.

56. *Komponen fakulti bahasa penutur dwibahasa*

Leksikon (L_x) (dengan peraturan dalaman pembentukan kata)

Leksikon (L_y) (dengan peraturan dalaman pembentukan kata)

Sistem Berkomputer bagi Bahasa Manusia (C_{HL})


Pilih

Komponen Terang-terangan

Komponen Terselindung

Komponen Fonologi (L_x)

Komponen Fonologi (L_y)



Rajah 2 Pandangan Minimalis tentang Fakulti Bahasa Penutur Dwibahasa

LAMPIRAN Kependekan yang Digunakan dalam Glos

Kependekan	Morfem
1O	kesesuaian objek diri pertama (tidak dikhususkan bagi angka)
1Op	kesesuaian objek jamak diri pertama
1Os	kesesuaian objek mufrad diri pertama
1S	kesesuaian subjek diri pertama (tidak dikhususkan bagi angka)
1Sp	kesesuaian subjek jamak diri pertama
1Ss	kesesuaian subjek mufrad diri pertama
2O	kesesuaian objek diri kedua (tidak dikhususkan bagi angka)
2Op	kesesuaian objek jamak diri kedua
2Os	kesesuaian objek mufrad diri kedua
2S	kesesuaian subjek diri kedua (tidak dikhususkan bagi angka)
2Sp	kesesuaian subjek jamak diri kedua
2Ss	kesesuaian subjek mufrad diri kedua
3O	kesesuaian objek diri ketiga (tidak dikhususkan bagi angka)
3Op	kesesuaian objek jamak diri ketiga
3Os	kesesuaian objek mufrad diri ketiga
3S	kesesuaian subjek diri ketiga (tidak dikhususkan bagi angka)
3Sp	kesesuaian subjek jamak diri ketiga
3Ss	kesesuaian subjek mufrad diri ketiga
ACC. CLITIC	klitik akusatif
COND	bersyarat/syarat
DAT. CLITIC	klitik datif
DUR	morfem panjang pendek (seperti <i>-ando</i> bahasa Sepanyol atau <i>-toc</i> bahasa Nahuatl)
FUT	kala kelak
IMP	imperatif

Sambungan LAMPIRAN

Kependekan	Morfem
IN	penunjuk <i>in</i> bahasa Nahuatl, yang serupa dengan <i>the</i> atau <i>a</i> dalam bahasa Inggeris
INDEF	morfem tak pasti (<i>tlā</i> dalam bahasa Nahuatl)
INF	penanda infinitif
LOC	akhiran lokatif
NOM. CLITIC	klitik nominatif
NSF	akhiran kata nama (kadang-kadang disebut sebagai <i>absolutif</i>)
PAST	kala lampau
PL	penanda jamak (pada kata nama atau kata kerja)
PRES	kala kini
PRT	partikel
REF	klitik kediri atau ganti nama
SING	mufrad
SUBJ	modus pembawa
TOPIC	penanda topik
VSF	akhiran kata kerja

NOTA

- * Versi ini yang diedit kopi terbit dalam *Bilingualism* 3(1), 37–54 (April 2000). Sila ajukan komen dan pertanyaan kepada Jeff MacSwan melalui e-mel macswan@asu.edu
- 1 Lebih spesifik, data dalam (9) ialah naturalistik, dan data dalam (7), (8), (14), (15), (17c), (22), (25) dan (42)-(45) itu, adalah dicungkil. Penilaian terhadap binaan ini dilakukan oleh dua pemuda yang bercakap dalam bahasa Sepanyol dan bahasa Nahuatl sejak kecil lagi.

- 2 Seperti yang konvensional dalam tulisan ini, saya akan memberikan isyarat bagi sempadan pengalihan kod dengan menukarkan tulisan biasa menjadi tulisan huruf condong (*italik*).
- 3 Sila rujuk lampiran bagi definisi kependekan yang digunakan dalam glos di sini dan di mana-mana.
- 4 Kepelbagaian bahasa Nahuatl yang dibincangkan di sini ialah bahasa Nahuatl Puebla Tenggara; bahasa ini mempunyai susunan kata SVO yang agak tetap dan tidak mempamerkan ciri yang dianggap berpunca daripada golongan bahasa “argumen kata ganti”. Oleh itu, saya akan mengandaikan struktur klausa yang agak tradisional bagi binaan bahasa Nahuatl. Lihat MacSwan (1999a) untuk perbincangan.
- 5 Rizzi (1982:41, n5) menggunakan istilah *modal* “sebagai label nemonik yang mudah bagi golongan kata kerja utama yang homogen,” dan menganggapnya (dalam bahasa Itali) sebagai kategori leksikal yang sama dengan kata-kata kerja yang lain.
- 6 Penilaian yang dicungkil dalam (34) dan (35) disebabkan oleh penutur dwibahasa asli bahasa Perancis-bahasa Itali.
- 7 Saya telah menggunakan garis bawah untuk menunjukkan tekanan dalam (39)-(40) dan bukannya tulisan huruf condong (*italik*), yang telah digunakan pada keseluruhannya untuk menunjukkan pengalihan kod.
- 8 “Tidak sepadan” (*Mismatch*) dibezakan daripada “bukan sepadan” (*nonmatch*), kasus nominatif dan akusatif tidak sepadan, dan hal ini menghalang terbitan seterusnya, tetapi kasus akusatif dan kategori I, “gagal untuk berpadanan” dan oleh itu terbitan seterusnya boleh dipertimbangkan (Chomsky, 1995:309).
- 9 Analisis ini menunjukkan beberapa masalah bagi contoh pengalihan kod yang baik pembentukannya selepas subjek leksikal. Akhirnya, analisis yang betul mungkin berlaku kerana adanya pemahaman tentang ciri khusus kata ganti nama (Chomsky, 1981:330; Everett, 1996).
- 10 Cook (1992) telah berhujah bahawa penutur dwibahasa berkongsi leksikon yang sama bagi kedua-dua bahasa mereka, yang berbeza daripada kesimpulan yang dicapai di sini. Walau bagaimanapun, bidang penyelidikan yang dikaji semula oleh Cook mengandungi leksikon, yang pada dasarnya ialah kamus minda yang menyimpan semantik dan sejumlah kecil maklumat idiosinkratik, tetapi tidak menyimpan maklumat morfologi (yang penting, dalam aliran pemikiran Cook, pengimbuhan tidak berlaku secara dalaman dalam leksikon, seperti yang berlaku dalam Program Minimalis). Maka tanggapan yang disyorkan di sini adalah konsisten dengan hasil uji kaji Kirsner (1986) yang mendapati bahawa perwakilan leksikon ialah khusus bahasa (*language-specific*) “sebagai artifak kebebasan morfologi” (hlm. 39). Lihat juga kertas kerja Costa, Miozzo, dan Caramazza (1999) yang menarik.

RUJUKAN

- Abney, J.P. 1987. "The English Noun Phrase in its Sentential Aspect". Disertasi Ph.D, MIT.
- Azuma, S. 1991. "Processing and Intrasentential Code-Switching". Disertasi Ph.D, Univesity of Texas, Austin.
- Azuma, S. 1993. "The Frame-content Hypothesis in Speech Production: Evidence from Intrasentential Code Switching". dlm. *Linguistics*, 31, 1071–1093.
- Baker, M.C. 1988. *Incorporation: A Theory of Grammatical Function Changing*. Chicago: University of Chicago Press.
- Belazi, H.M., Rubin, E.J., dan Toribio, A.J. 1994. "Code Switching and X-Bar Theory: The Functional Head Constraint" dlm. *Linguistic Inquiry*, 25(2), 221–127.
- Bley-Vroman, R. 1989. "The Logical Problem of Second Language Learning" dlm. S. Gass dan J. Schachter (ed.), *Linguistic Perspectives on Second Language Acquisition*, hlm. 41–68. Cambridge: Cambridge University Press.
- Borer, H. 1984. *Parametric Syntax: Case Studies in Semitic and Romance Languages*. Dordrecht: Foris.
- Bromberger, S. dan Halle, M. 1989. "Why Phonology is Different" dlm. *Linguistic Inquiry*, 20, 35–67. Dicitak semula dlm. A. Kasher (ed.), 1991. *The Chomskyan Turn*, hlm. 56–77. Cambridge: Blackwell.
- Chomsky, N. 1991. *Lectures on Government and Binding*. New York: Mouton de Gruyter.
- Chomsky, N. 1991. "Linguistics and Cognitive Science: Problems and Mysteries" dlm.. A. Kasher (ed.), *The Chomskyan Turn*, hlm. 26–54. Cambridge: Blackwell.
- Chomsky, N. 1995. *The Minimalist Program*. Cambridge: MIT Press.
- Clahsen, H., dan Muysken, P. 1986. "The Availability of Universal Grammar to Adult and Child Learners: A Study of the Acquisition of German Word Order" dlm. *Second Language Research*, 2, 93–119.
- Cook, V. 1992. "Evidence for Multicompetence" dlm. *Language Learning*, 42, 557–591.
- Costa, A., Miozzo, M., dan Caramazza, A. 1999. "Do Words in the Bilingual's Two Lexicons Compete for Selection"? *Journal of Memory and Language*, 41(3), 365–397.
- de Bot, K. 1992. "A Bilingual Production Model: Levelt's 'Speaking' Model Adapted" dlm. *Applied Linguistics*, 13(1).
- Di Sciullo, A. "M., Muysken, P., dan Singh, R. 1986". Government and Code-Switching dlm. *Journal of Linguistics*, 22, 1–24.
- Dulay, H., dan Burt, M. 1974. "A New Perspective on the Creative Construction Processes in Child Second Language Acquisition" dlm. *Language Learning*, 24. 253–258.

- Everett, D. 1996. *Why There are no Clitics: An Alternative Perspective on Pronominal Allomorphy*. Dallas: Summer Institute of Linguistics and University of Texas at Arlington.
- Fromkin, V.A. 1971. "The Non-Anomalous Nature of Anomalous Utterances" dlm. *Language*, 47, 27–52.
- Garrett, M. 1975. "The Analysis of Sentence Production" dlm. G. Bower (ed.), *Psychology of Learning and Motivation*, hlm. 133–177. Jilid 9. New York: Academic Press.
- Halmari, H. 1997. *Government and Code Switching: Explaining American Finnish*. New York: John Benjamins.
- Jaeggli, O. dan Hyams, N. 1993. "On the Independence and Interdependence of Syntactic and Morphological Properties: English Aspectual Come and Go" dlm. *Natural Language and Linguistic Theory*, 11, 313–346.
- Joshi, A. 1985. "Processing of Sentences with Intrasentential Code Switching" dlm. D.R. Dowty, L. Kattunen, dan A.M. Zwicky (ed.), *Natural Language Parsing: Psychological, Computational and Theoretical Perspectives*, hlm. 190–205. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kager, R. 1999. *Optimality Theory*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Kayne, R.S. 1989. *Notes on English Agreement*. CIEFL (Central Institute of English as a Foreign Language, Hyderabad) Buletin 1, 41–67.
- Kayne, R.S. 1975. *French Syntax: The Transformational Cycle*. Cambridge: MIT Press.
- Kayne, R.S. 1995. *The Antisymmetry of Syntax*. Cambridge: MIT Press.
- Keenan, E.L., dan Stabler, E.P., Jr. 1994. "There is more than one Language" Dlm. *Proceedings of Languages et Grammaire-I*, Universite Paris-8.
- Krashen, S. 1981. *Second Language Acquisition and Second Language Learning*. Oxford: Pergamon Press.
- Krisner, K. 1986. "Lexical Function: Is a Bilingual Account Necessary"? Dlm. J. Vaid (ed.) *Language Processing in Bilinguals: Psycholinguistic and Neuropsychological Perspectives*, hlm. 21–45. Hillsdale, NY: Lawrence Earlbaum.
- Levelt, W.J.M. 1989. *Speaking: From Intention to Articulation*. Cambridge: MIT Press.
- Li, Y. 1990. "On V-V Compounds in Chinese" dlm. *Natural Language and Linguistic Theory*, 8, 177–207.
- MacSwan, J. 1997. "A Minimalist Approach to Intrasentential Code Switching: Spanish-Nahuatl Bilingualism in Central Mexico", disertasi Ph.D., UCLA. Versi Elektronik diperoleh melalui <http://www.public.asu.edu/~macswan/diss.html>.
- MacSwan, J. 1999a. "The Argument Status of NPs in Southeast Puebla Nahuatl: Comments on the Polysynthesis Parameter" dlm. *Southwest Journal of Linguistics*, 17(2), 101–114. Elektronik Versi diperoleh melalui <http://>

- www.public.asu.edu/~macswan/diss.html.
- MacSwan, J. 1999b. *A Minimalist Approach to Intrasentential Code Switching*. New York: Garland Press.
- Mahootian, S. 1993. A Null Theory of Codeswitching. Disertasi Ph.D, Northwestern University.
- Mahootian, S., dan Santorini, B. 1996. Codeswitching and the Complement/ Adjunct Distinction: A Reply to Belazi, Rubin and Toribio. *Linguistic Inquiry*, 27(3), 464–479.
- Myers-Scotton, C. 1993. *Duelling Languages: Grammatical Structure in Codeswitching*, hlm. 233–256. Oxford: Clarendon Press.
- Myers-Scotton, C. 1995. “A Lexically Based Model of Codeswitching” dlm. L. Milory dan P. Muysken (ed., 1995). *One Speaker, Two Languages: Cross-Disciplinary Perspectives on Code-Switching*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Myers-Scotton, C. 1997. Code-switching. Dlm. F. Coulmas (ed.), *The Handbook of Sociolinguistics*, hlm. 217–237. Oxford: Blackwell.
- Nishimura, M. 1997. *Japanese/English Code-Switching: Syntax and Pragmatics*. New York: Peter Lang.
- Pandit, I. 1990. “Grammaticality in Code Switching”. Dlm. R. Jakobson (ed.) *Codeswitching as a Worldwide Phenomenon*, hlm. 33–39. New York: Peter Lang.
- Pollock, J-Y. 1994. “Checking Theory and Bare Verbs” dlm. G. Cinque, J. Koster, J-Y, Pollock, L. Rizzi, dan R. Zanuttini (ed.), *Paths Towards Universal Grammar: Studies in Honor of Richard S. Kayne*. Washington, D.C.: Georgetown University Press.
- Poplack, S. 1980. “Sometimes I’ll Start a Sentence in Spanish y termino en Espanol”: Toward a Typology of Code-Switching” dlm. *Linguistics*, 18, 581–618.
- Poplack, S. 1981. “The Syntactic Structure and Social Function of Code-Switching” dlm. R. Duran (ed.), *Latino Language and Communicative Behavior*, hlm. 169–184. Norwood, New Jersey: Ablex.
- Razzi, L. 1982. *Issues in Italian Syntax*. Dordrecht: Foris.
- Rubin, E. dan Toribio, A. 1995. “Feature-checking and the Syntax of Language Contact” dlm. J. Amastae, G. Goodall, M. Montalbetti, dan M. Phinney (ed.), *Contemporary Research in Romance Linguistics*. Philadelphia: J. Benjamins.
- Santorini, B., dan Mahootian, S. 1995. “Codeswitching and the Syntactic Status of Adnominal Adjectives” dlm. *Lingua*, 96, 1–27.
- Schachter, J. 1988. “Second Language Acquisition and its Relationship to Universal Grammar” dlm. *Applied Linguistics*, 9, 219–235.
- Shutze, C.T. 1996. *The Empirical Base of Linguistics: Grammaticality Judgments and Linguistic Methodology*. Chicago: University of Chicago Press.
- Shutze, C.T. 1997. “Infl in Child and Adult Language: Agreement, Case and Licensing”. Disertasi Ph.D, MIT.

- Skinner, B.F. 1957. *Verbal Behavior*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Sportiche, D. 1995. "Sketch of a Reductionist Approach to Syntactic Variation and Dependencies", dlm. H. Campos dan P. Kempchinsky (eds.), *Evolution and Revolution in Linguistic Theory: Essays in Honor of Carlos Otero*. Washington, DC: Georgetown Univ. Press.
- Stabler, E.P., Jr. 1994. "The Finite Connectivity of Linguistic Structure" dlm. C. Clifton, L. Frazier, dan K. Rayner (ed.), *Perspectives on Sentence Processing*, hlm. 303–336. New York: Erlbaum
- Stowell, T. 1981. "Origins of Phrase Structure". Disertasi Ph.D, MIT.
- Timm, L.A. 1975. "Spanish-English Code-Switching: El Porque and How-not-to" dlm *Romance Philology*, 28, 473–482.
- Toribio, A. dan Rubin, E. 1996. "Code-Switching in Generative Grammar" dlm. A. Roca dan J. Jensen (ed.), *Spanish in Contact: Issues in Bilingualism*, hlm. 203–226. Somerville, MA: Cascadilla Press.
- White, L. 1989. *Universal Grammar and Second Language Acquisition*. Philadelphia: John Benjamins.
- Woolford, E. 1983. "Bilingual Code-Switching and Syntactic Theory" dlm. *Linguistic Inquiry*, 14, 520–536.
- Zagona, K. 1988. *Verb Phrase Syntax: A Parametric Study of English and Spanish*. Boston: Kluwer Academic Publishers.